



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEEMPAT BELAS**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DAN JAWAPAN**

9 NOVEMBER 2018 – 16 NOVEMBER 2018

SOALAN-SOALAN DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri akan mematuhi pindaan baru pada Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 terutamanya Seksyen 20B dan Seksyen 21A yang mengkehendaki 'Social Impact Assessment' dan analisa dilakukan terlebih dahulu untuk pembinaan infrastruktur utama negara seperti PTMP (Penang Transport Master Plan)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Perancang Negeri Pulau Pinang (Khas) pada 16 Ogos 2018 telah meluluskan pemakaian pindaan Seksyen 20B dan Seksyen 21A, A1522 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Berhubung perkara ini, Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan projek-projek di bawah pelaksanaan *Penang Transport Master Plan* (PTMP) mematuhi syarat-syarat yang diwajibkan menerusi pelbagai peruntukan undang-undang sedia ada. Ini termasuklah pematuhan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mewajibkan penyediaan dan pengemukaan *Social Impact Assessment* (SIA).

Bagi pelaksanaan PTMP fasa pertama iaitu Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT), Projek *Pan Island Link 1* (PIL 1) dan Projek Jalan-Jalan Utama, SIA telah pun dilaksanakan dan dikemukakan kepada jabatan-jabatan teknikal berkenaan untuk kelulusan. Kerajaan Negeri juga telah memberi komitmen yang tinggi untuk melaksanakan semua langkah-langkah mitigasi yang disarankan bagi memastikan pelaksanaan PTMP berjalan dengan lancar.

Kerajaan Negeri akan terus memastikan pematuhan undang-undang bagi semua projek di bawah PTMP.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah jenis sukan yang semakin meningkat naik prestasinya semasa temasya SUKMA 2018?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kontinjen Negeri Pulau Pinang di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menyertai Kejohanan Sukan Malaysia ke-19 Perak 2018 pada 11 hingga 22 September 2018 bertempat di negeri Perak Darul Ridzuan.

Pencapaian pungutan pingat semasa SUKMA 2018 telah meningkat berbanding dengan SUKMA 2016 yang lepas. Pada tahun 2016 jumlah pungutan pingat yang berjaya diraih oleh Kontinjen Pulau Pinang adalah sebanyak 26 Emas, 12 Perak dan 29 Gangsa. Manakala pada tahun 2018, Kontinjen Pulau Pinang berjaya meraih sebanyak 32 pingat emas, 30 pingat perak dan 30 pingat gangsa. Jadual perbandingan pungutan pingat adalah seperti di **Lampiran A**.

Secara amnya, sukan Akuatik Renang, Badminton, Gimnastik Artistik, Judo dan Karate telah berjaya mendapat pingat emas yang lebih berbanding dengan sasaran pihak persatuan sukan negeri. Manakala sukan-sukan seperti memanah, pencak silat, petanque, sepaktakraw, tinju dan wushu pula telah memenuhi sasaran kutipan medal sebagaimana yang disasarkan oleh pihak persatuan negeri masing-masing.

Selain itu, satu rekod SUKMA juga berjaya dipecah oleh Pasukan Memanah Compound Lelaki Pulau Pinang pada 21 September 2018 di Universiti Teknologi Petronas.

RUJ. LAMPIRAN A

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Si Zen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap dasar *Repopulating Goerge Town*?
 - (a) Sila nyatakan dengan teliti perancangan dasar tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pengiktirafan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO secara tidak langsung menyebabkan permintaan tinggi terhadap hartanah di kawasan George Town dan seterusnya berlaku peningkatan harga hartanah yang mendadak. Keadaan ini telah menyebabkan perpindahan penduduk keluar dari kawasan George Town.

Faktor-faktor berlakunya perpindahan ini adalah kerana penduduk/pemilik premis tempatan bertindak menjual hartanah bagi mendapatkan keuntungan yang tinggi. Selain itu, terdapat juga pemilik hartanah bertindak menaikkan kadar sewa premis dan menyebabkan penyewa asal tidak mampu menampung kos yang tinggi hingga terpaksa keluar dari George Town dan menyewa di kawasan yang lebih rendah nilainya. Hal ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan banyak pengusaha berhenti beroperasi dan penduduk tempatan berpindah keluar dari George Town.

Bagi menangani isu pemindahan keluar ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan projek-projek rejuvenasi bagi membaiki pulih, mengiat semula dan menghidupkan kembali kawasan George Town. Perancangan dasar *Repopulating George Town* adalah dengan tujuan seperti berikut :-

- (i) Mengekalkan kehidupan berbilang budaya warisan tempatan;
- (ii) Memelihara hubungan rapat masyarakat dan hubungan budaya sosial mereka;
- (iii) Mengurangkan perpindahan perniagaan tempatan/tradisi dan kediaman yang sedia ada;
- (iv) Mengekalkan kepelbagaian demografi penduduk;
- (v) Meningkatkan bilangan perniagaan di dalam Tapak Warisan George Town;
- (vi) Mengurangkan bilangan hartanah yang kosong dan tidak didiami;
- (vii) Mengekalkan orang yang bekerja dan tinggal di bandar;
- (viii) Memperbaiki dan menambah baik kemudahan dan infrastruktur awam; dan
- (ix) Menaik taraf taman yang ada dan reruang awam termasuk lorong belakang.

Selain itu, MBPP juga dalam perancangan untuk melaksanakan projek penetapan semula penduduk dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dengan memperkenalkan konsep *micro-housing* di rumah kedai sedia ada untuk disewa kepada penduduk tempatan dengan kadar yang berpatutan di dalam Tapak Warisan dan menggalakkan pemaaju-pemaaju untuk mengguna pakai konsep tersebut.

MBPP turut melaksanakan projek-projek menaik taraf infrastruktur awam seperti pasar, perabot jalan dan taman-taman awam, merejuvenasi lorong-lorong belakang serta mempertingkatkan kemudahan pengangkutan di sekitar George Town bagi memastikan bandaraya ini lebih terjaga, lebih selamat, lebih bersih dan mesra orang awam di samping menggalakkan Tapak Warisan Dunia George Town terus hidup dan berpenghuni.

Bagi Tapak Warisan Dunia George Town yang berkeluasan 259.42 hektar, Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated telah mengenal pasti tipologi pemilik bangunan (termasuk bangunan warisan kategori I dan II, kategori pengisian dan kategori pengantian). Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melalui George Town World Heritage Incorporated telah mewujudkan *Heritage Habitat Seed Fund* merupakan salah satu insentif yang dijalankan bagi menggalakkan lebih ramai penduduk untuk mendiami kawasan ini. Dana sebanyak RM3 juta telah disalurkan untuk membantu pemilik bangunan warisan kategori II di dalam Tapak Warisan Dunia George

Town yang menyewakan bangunan mereka dalam tempoh yang panjang. Ia bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan pemilik bangunan warisan dan penyewa yang menyewa di dalam tempoh yang panjang demi memelihara warisan budaya dan Nilai-Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Bangunan-bangunan warisan tersebut termasuk di bawah milikan klan dan Persatuan Cina, Pemegang Amanah dan Kebajikan, Wakaf Hindu, Majlis Agama Islam Pulau Pinang serta pemilik individu tempatan yang lain. Insentif ini akan dirasmikan pada 24 November 2018. Pemilik bangunan warisan yang terpilih akan menerima bantuan kewangan untuk membiayai pembelian bahan binaan dan yuran profesional bagi kerja-kerja pembaikan fizikal atau pemuliharaan bangunan mereka. Kerja pemuliharaan perlu mengikut garis panduan pemuliharaan seperti di dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town. Pemilik yang memohon insentif ini akan dapat menaik taraf persekitaran hidup penyewa mereka dan akan dapat memanjangkan perjanjian penyewaan pada kadar kenaikan harga sewa yang dipersetujui bersama.

Antara inisiatif lain yang dilaksanakan adalah projek *Linking World Heritage Sites, Local Cultural Assets through Museums, Information Centres and Creative Industries* yang dilaksanakan bersama dengan UNESCO dan George Town World Heritage Incorporated. Projek ini bertujuan membangunkan, menjenamakan, memasarkan dan mempromosikan produk industri kreatif Tapak Warisan Dunia terutamanya aset budaya tempatan, sekaligus menggalakkan pelancongan mampan dan meningkatkan ekonomi tempatan menerusi kerjasama antara awam, profesional dan swasta.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sejauh manakah persiapan Kerajaan Negeri dalam wujudkan radio atau sistem komunikasi khas apabila berlaku isu bencana alam seperti banjir?
 - (a) Bagaimana sistem alarm seperti *Penang Alert* membantu rakyat khususnya kawasan yang berisiko tinggi untuk bersiap sedia?
 - (b) Adakah kerajaan bersedia untuk pasang *Tsunami Detector System* di persisiran pantai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui agensi pelaksana iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) dalam menyalurkan maklumat berkenaan ramalan dan amaran cuaca buruk kepada agensi-agensi pengurusan bencana melalui faks, e-mel dan SMS. Manakala penyebaran amaran cuaca kepada orang awam adalah melalui laman web: www.met.gov.my, siaran televisyen (TV), *Crawler TV*, media sosial (*facebook: malaysiamet, twitter@malaysianmet* dan *Whatsapp*) dan Hotline di talian 1 300 22 1MET(1638).

Sehingga kini, Jabatan Meteorologi Malaysia tidak mempunyai radio atau sistem komunikasi yang khas untuk digunakan apabila berlaku bencana. Namun demikian, Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengadaptasi inovasi aplikasi mobil dengan membangunkan aplikasi myCuaca versi 2.0 yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa menggunakan peranti telefon pintar oleh orang ramai. Aplikasi myCuaca ini boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* dan *Apple Apps Store*. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia dalam melaksanakan dan mengembangkan portal RakanMET iaitu medium interaksi dua hala antara MMD dan orang awam bagi perkongsian maklumat sahih mengenai perkembangan cuaca semasa di negeri ini.

- (a) Portal Penang Alert telah dilancarkan pada 07 Mac 2018 merupakan fasa pertama kepada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penyaluran informasi awal berkaitan bencana mahupun perkara-perkara yang akan mengganggu urusan/perjalanan harian rakyat seperti penutupan jalan-jalan utama, tanah runtuh, pokok tumbang dan sebagainya. Portal ini boleh dilayari melalui alamat url

<http://alert.penang.gov.my/> atau dicapai di laman utama Portal Rasmi Kerajaan Negeri di alamat www.penang.gov.my. Manakala untuk fasa kedua Penang Alert pada tahun ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan fungsi Penang Alert dengan penambahan saluran melalui aplikasi mudah alih (*mobile apps*).

Informasi yang disalurkan di Portal Penang Alert melibatkan kolaborasi dengan jabatan/agensi utama iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat-Pejabat Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), MBPP, MPSP, Jabatan Meteorologi, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar. Semua informasi yang dimuatnaik adalah maklumat sahih dan betul yang telah mendapat pengesahan dari jabatan/agensi berwajib sebelum dibuat pemberitahuannya kepada umum.

- (b) Pada masa kini, Malaysia telah mempunyai sistem pemantauan tsunami yang merangkumi rangkaian tolok pasang surut iaitu alat yang mengukur perubahan paras air laut, kamera pantai untuk memantau keadaan laut dan siren tsunami untuk menghebahkan maklumat waspada/ nasihat dan amaran tsunami kepada orang awam yang terdedah kepada bahaya tsunami. Rangkaian tolok pasang surut, kamera pantai dan siren tsunami ini telah dipasang di persisiran pantai sepanjang perairan Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pada masa kini terdapat sebanyak 1 tolok pasang surut, 3 kamera pantai dan 12 siren tsunami yang telah pun dipasang di kawasan yang berisiko berlaku tsunami di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan jumlah permohonan rumah mampu milik di bawah Skim Kerajaan Persekutuan yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan?
- (a) Nyatakan pecahan permohonan mengikut Daerah, DUN & Skim yang diperuntukan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri setakat ini tidak pernah mencadang atau memohon peruntukan bagi pembinaan Rumah Mampu Milik kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Skim-skim perumahan mampu milik di bawah Kerajaan Persekutuan seperti Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) secara lazimnya merupakan inisiatif daripada agensi yang berkaitan bersama-sama pemain-pemain industri.

Setakat ini rekod menunjukkan ada 4 projek PRIMA di Pulau Pinang iaitu :-

- (i) Kampung Kastam (2 plot) : Plot B dan Plot C Jalan Lembah / Jalan Bukit Gambir;
- (ii) Batu Feringhi; dan
- (iii) Permatang Pauh.

Di peringkat Kerajaan Negeri, jalinan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan lebih ditumpukan kepada usaha membekalkan unit-unit kediaman kepada golongan berpendapatan rendah melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Sejak 20 April 2017, Kerajaan Negeri telah mengutus beberapa surat kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu bagi mencadangkan tiga lot tanah di kawasan Jelutong yang dilihat berpotensi untuk dijadikan tapak PPR. Usaha ini telah menunjukkan perkembangan yang positif susulan perubahan tampuk kepimpinan Kerajaan Persekutuan selepas pilihan raya umum yang lalu. Rombongan Unit Teknikal daripada KPKT telah hadir ke Pulau Pinang pada 29 Jun 2018 bagi membuat penilaian kesesuaian tapak-tapak yang dicadangkan iaitu Lot 10042, 10043 dan sebahagian Petak A di Seksyen 1, Bandar Jelutong di bawah KADUN Sungai Pinang. Cadangan awal ini dikemukakan setelah mengambil kira jumlah pemohon dalam senarai menunggu yang tinggi di Daerah Timur Laut.

Selain itu, Kerajaan Negeri semasa Mesyuarat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama EXCO-EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Oktober 2018 yang lalu telah menyerahkan kepada KPKT cadangan tujuh (7) lagi tapak yang berpotensi untuk pembangunan PPR di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan seperti berikut:-

Bil.	Lot	Luas (ekar)	Daerah	KADUN	Pemilik
1.	Berhampiran Lot 8471, Jalan Mayang Pasir, Mukim 12, Bayan Baru	7.82	Barat Daya	Batu Maung	Kerajaan Negeri
2.	Lot 705, Jalan Chai, Titi Teras Mukim 6, Balik Pulau	4.83	Barat Daya	Pulau Betong	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
3.	PT 724, Seksyen 4, Ujong Batu, Butterworth	4.32	Seberang Perai Utara	Bagan Dalam	Perbadanan Ketua Menteri
4.	1061 hingga 1065 Mukim 14, Kampung Tongkang	7.65	Seberang Perai Tengah	Machang Bubuk	Kerajaan Negeri
5.	1072 hingga 1078 Mukim 14, Kampung Tongkang	9.70	Seberang Perai Tengah	Machang Bubuk	Kerajaan Negeri
6.	1084 hingga 1088, Mukim 14 Kampung Tongkang	7.46	Seberang Perai Tengah	Machang Bubuk	Kerajaan Negeri
7.	20843 & 20842, Mukim 13, Batu Kawan	3.43	Seberang Perai Selatan	Bukit Tambun	Kerajaan Negeri

Ahli Kawsan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan sukan berasaskan *e-Sport*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah sebuah organisasi yang menyampaikan perkhidmatan secara langsung kepada Persatuan-persatuan Sukan Negeri yang bernaung di bawahnya. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang berfokuskan sukan berprestasi tinggi yang akan dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA).

Kerajaan Negeri memahami dan memandang berat akan masa depan E-Sukan (*E-Sports*) yang cerah, justeru, pembangunan sukan berasaskan *E-Sports* di Negeri Pulau Pinang telah diletak di bawah tanggungjawab Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Sehubungan dengan itu, PYDC telah memperkenalkan inisiatif bertema *E-SportsPG* dan antara usaha-usaha yang dijalankan bagi membangunkan sukan eletroknik di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(a) Pengenalan *E-SportsPG* ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta di Negeri Pulau Pinang. Seramai 371 orang pelajar daripada 8 IPT di Negeri Pulau Pinang telah turut serta dalam program *E-Sports Campus Roadshow* ini;

- (b) Mewujudkan Pusat *E-Sports* Pulau Pinang dengan kerjasama awam dan swasta. PYDC sedang berusaha untuk menarik pelabur swasta untuk mewujudkan Pusat *E-Sports* yang pertama di Negeri Pulau Pinang;
- (c) Menganjurkan pertandingan dan pameran bersifat pengalaman (*Experience & Exposure*). *E-Sports Experience* yang telah diadakan pada bulan April 2018 yang lepas dan telah menarik seramai 10,000 orang pengunjung;
- (d) Pengenalan peluang pekerjaan yang pelbagai dan berpotensi yang dapat disediakan oleh industri *E-Sports* kepada orang awam. Bidang pembangunan permainan (*Games Development*) dan industri *E-Sports* menyediakan platform untuk belia membina kerjaya mereka. Selain pemain sukan sepenuh masa (*Professional Gamer*), peluang pekerjaan yang lain seperti pengulas sukan, *programmer*, video editor, pereka cipta permainan (*Games Developer*), *Games tester*, *Games Consultant* dan sebagainya akan disediakan oleh industri *E-Sports* ini; dan
- (e) Menubuhkan Pasukan *E-Sports* Negeri Pulau Pinang. PYDC juga sedang melaksanakan kolaborasi dengan beberapa persatuan sukan elektronik tempatan dalam menubuhkan pasukan negeri dan pasukan jurulatih *E-sports* Pulau Pinang. Ianya merupakan salah satu inisiatif PYDC untuk menyediakan sebuah pasukan *E-Sports* negeri yang akan mewakili negeri Pulau Pinang ke pertandingan *E-Sports* di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Sekiranya terdapat keperluan dan permintaan, Majlis Sukan Negeri akan bekerjasama dengan PYDC dalam menganjurkan sukan berasaskan elektronik ini.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Sila nyatakan keluasan tanah dan zoning bagi Pulau Aman, Pulau Gedung, Pulau Jerejak, Pulau Rimau dan Pulau Kendi serta huraikan.
 - (a) Keluasan tanah yang dimiliki kerajaan di atas pulau-pulau tersebut.
 - (b) Apakah perancangan dan status pemajuan di Pulau Jerejak?
 - (c) Apakah perancangan bagi pulau-pulau selebihnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. (a) Keluasan tanah dan pengezonan bagi Pulau Aman, Pulau Gedung, Pulau Jerejak, Pulau Rimau dan Pulau Kendi adalah seperti berikut:

Bil	Pulau/Daerah	Keluasan (ekar)	Luas Tanah Milik Kerajaan (ekar)	Zon
1	Pulau Aman, SPS	155.85	68	Pelancongan
2	Pulau Gedung, SPS	166.94	112	Hutan Simpan
3	Pulau Kendi, DBD	78.74	70.637	Hutan Simpan
4	Pulau Rimau, DBD	92.6	2.268	Hutan Simpan
5	Pulau Jerejak, DTL	830	702	Pelancongan

- (b) Bagi status pemajuan di Pulau Jerejak, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Ogos 2016 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Bercampur Bagi Lot-Lot PT 1962 – 1965 Serta Tanah Kerajaan 'Petak A', 'Petak B', 'Petak C' Mukim 13, DTL, Serta Tanah Kerajaan,

'Petak E, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd.

Berikutan itu, pada 20 Mac 2018 satu permohonan Kebenaran Merancang rujukan MBPP/OSC/PM3350/17(LB) telah diluluskan oleh MBPP bagi pembangunan semula tapak Jerejak RainForest Resort dan mendirikan pembangunan bercampur hotel, pangsapuri servis dan kondominium.

Pada 29 Jun 2018, satu permohonan Kebenaran Merancang rujukan JPBD/PG/P2/PKM-0099 diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri untuk Pembangunan Sebuah Jambatan Ke Pulau Jerejak Di Atas 'Petak A' Mukim 12 Daerah Barat Daya, Dan 'Petak 2' Mukim 13 Daerah Timur Laut, Pulau Pinang untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn Bhd.

- (c) Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 menyatakan bahawa perancangan bagi Pulau Aman dan Pulau Gedung, Seberang Perai Selatan adalah Pengekalan Alam Semulajadi sebagai tarikan eko pelancongan. Aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan untuk menarik pengunjung/pelancong adalah seperti merentas hutan (*jungle tracking*), trek basikal lasak, serta melihat dan mengkaji kehidupan flora dan fauna di pulau-pulau berkenaan.

Tiada perancangan pembangunan dibuat di atas Pulau Kendi dan Pulau Rimau, Daerah Barat Daya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah jumlah projek yang telah diluluskan melalui tabung penyelenggaraan 80% Pulau Pinang?
- (a) Sila nyatakan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sejak skim pembiayaan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) diperkenalkan pada tahun 2013, sebanyak 305 projek telah dipertimbang dan diperaku untuk dilaksanakan dengan kos diluluskan sebanyak RM26,676,309.48. Agihan kos diluluskan mengikut jenis kerja adalah seperti di jadual berikut:-

BIL.	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	AMAUN
1	Menaiktaraf dan/atau Menggantikan Lif	178	RM14,514,163.04
2	Penggantian Tangki Air dan/atau Menaiktaraf Sistem Perpaipan	81	RM4,226,084.80
3	Menggantikan dan/atau Menaiktaraf Bumbung	18	RM1,453,757.28
4	Pengecatan	16	RM5,466,145.04
5	Penurapan Jalan	2	RM27,917.70
6	Dinding Bata/Pagar <i>Anti Climb</i>	4	RM302,959.36
7	Keretakan	2	RM197,182.26
8	Railing/ Jeriji Tangga	1	RM31,200.00
9	Kelulusan Khas-Bencana	3	RM456,900.00
JUMLAH BESAR		305	RM26,676,309.48

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pelancongan di Bertam kerana ada 3 kawasan yang sesuai untuk dimajukan iaitu Padang Benggali (*ecotourism*), Bandar Kepala Batas (Bandar Warisan) dan Kiosk Bertam (Hub Makanan)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kawasan Bertam dilihat mempunyai potensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang dan seterusnya menyumbang kepada sektor pelancongan negeri.

Bagi kawasan Padang Benggali, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengenal pasti pesisiran pantai Teluk Air Tawar ke Kuala Muda yang melibatkan DUN Penaga sebagai aset eko-pelancongan. Kawasan tersebut telah dimasukkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 sebagai Kawasan Pemuliharaan Paya Bakau. Dalam program *Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts (SPICEC 2018)* yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Oktober 2018, lokasi tersebut telah dijadikan sebagai tempat untuk lawatan teknikal bagi peserta seminar.

Bagi Bandar Kepala Batas, Kerajaan Negeri akan mengkaji potensi untuk dijadikan sebagai sebuah Bandar Warisan. Sehubungan dengan cadangan ini, MPSP telah mengenal pasti 81 buah bangunan sebagai bangunan warisan dan sedang melaksanakan usaha bagi mewartakan bangunan-bangunan tersebut.

Bagi kawasan Kiosk Bertam, Kerajaan Negeri akan mengkaji potensi untuk dijadikan sebagai hub makanan. Pada masa ini, MPSP sedang mempromosikan Sungai Dua sebagai Lembah Makanan untuk kawasan Seberang Perai.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sejak bilakah *Waste Plastic* telah diimport ke Pulau Pinang?
 - (a) Apakah peranan Kerajaan Negeri mengenai isu kilang proses *Waste Plastic* yang sering membawa masalah kepada masyarakat kini?
 - (b) Sila nyatakan nama dan alamat syarikat yang telah mengimport dan juga kuantiti yang telah diimport di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Pengimportan plastik resin atau bahan mentah plastik adalah di bawah kod HS 3910-3912 yang tidak dikawal oleh Lesen Import (AP), hanya cukai import yang terlibat jika dikenakan cukai.

Sisa-sisa plastik boleh dikategori dalam dua jenis kumpulan iaitu sisa-sisa plastik *municipal* dan sisa-sisa plastik *pre-consumer*. Pengimportan sisa plastik adalah juga dalam dua kumpulan iaitu sisa plastik dan *flake*. Semua pengimportan sisa-sisa plastik adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kawal mengawal Lesen Import (AP) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang akan memproses dokumen ikrar import dan juga memastikan barangan import adalah mengikut prosedur dan sistem yang ditetapkan.

- (a) *Waste plastic* telah di import ke Pulau Pinang sejak tahun 80-an. Antara peranan Kerajaan Negeri mengenai isu kilang proses *Waste Plastic* yang sering membawa masalah kepada masyarakat adalah seperti berikut :
 - i) Memantau aktiviti kilang bagi memastikan aktiviti yang dijalankan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada masyarakat.
 - ii) Mengambil tindakan penguatkuasaan bagi mana-mana kilang yang menyebabkan kacau ganggu seperti berikut:
 - Pengeluaran Notis Penghapusan Kacauganggu dan Notis Tawaran Kompau kepada kilang.

- Membatalkan lesen perniagaan bagi mana-mana kilang yang berlesen kerana tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan.
 - Mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 jika kilang beroperasi tanpa lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sah.
 - Mengambil tindakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kilang-kilang yang didirikan tanpa kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.
 - Mengadakan kerjasama dengan jabatan/agensi penguatkuasaan luar seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang.
 - Mengenakan syarat kebersihan kepada pengusaha pengasingan sisa buangan.
 - Memantau aktiviti dengan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Mensyaratkan lesen perniagaan yang dikeluarkan hanya terpakai untuk memproses sisa plastik tempatan sahaja.
- (b) Terdapat 27 buah syarikat yang telah dikeluarkan Lesen Import (AP) sisa plastik di bawah kod HS 3915 di Negeri Pulau Pinang. Berdasar maklumat yang dibekalkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, sebanyak 21 buah syarikat telah mengimport sisa plastik dengan melalui NBCT (*North Butterworth Container Terminal*)(P14) bagi tempoh Januari 2017 hingga Oktober 2018. Nama syarikat dan kuantiti yang diimport bagi tahun 2017 dan 2018 (sehingga bulan Oktober) adakah seperti **Lampiran A** dan akan diedarkan kepada Yang Berhormat selepas sesi soal jawab ini.

RUJUK LAMPIRAN A (HML)

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Agenda dan misi negeri pada penggal pertama dan penggal kedua pentadbiran Kerajaan Pakatan telah berjaya dikenali dan diterima oleh penduduk Pulau Pinang. Misalnya kempen 'CAT' dan *I Love Penang*.

- (a) Apakah pelan tindakan dalam mempromosikan kempen Pulau Pinang 2030 supaya ianya dikenali dan diamalkan oleh penduduk negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. *Penang 2030* merupakan visi baharu untuk Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri Yang Amat Berhormat (Y.A.B.) Chow Kon Yeow. Namun, visi *Penang 2030* sebenarnya tidak bercanggah dengan mana-mana perancangan, *blueprint* mahupun kempen yang telah dilancarkan sebelum ini. *Penang 2030* merupakan konsep yang perlu diasimilasikan dalam pelaksanaan pelan-pelan perancangan atau *blueprint* terdahulu dengan memberi penekanan khusus kepada keluarga, hijau dan pintar. *Penang 2030* juga tidak bercanggah dengan mana-mana kempen yang telah dikenali dan diterima oleh penduduk Pulau Pinang sebelum ini seperti *Congestion Alleviation Transport* (CAT) dan *I Love Penang*.

Sebenarnya, semua lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam keempat-empat teras utama *Penang 2030* iaitu meningkatkan daya huni untuk meningkatkan kualiti kehidupan (*increase liveability to enhance quality of life*); menaik taraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isi rumah (*upgrade economy to raise household income*); memperkasakan rakyat untuk meningkatkan penyertaan

masyarakat (*empower people to strengthen civic participation*); melabur dalam persekitaran infrastruktur dan kemudahan awam untuk meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan (*invest in built environment to improve resilience*). Konsep kekeluargaan yang hijau dan pintar yang ingin dipupuk melalui visi *Penang 2030* boleh dikatakan sebagai fasa kedua sejak tahun 2008 yang memberi penekanan yang lebih tinggi kepada pembangunan sendiri seperti nilai CAT serta *I Love Penang*. Pembangunan masyarakat melalui konsep kekeluargaan ini dapat memastikan pembangunan dari segi sosial yang stabil, gembira dan harmoni dapat dicapai di Negeri Pulau Pinang dan justeru menjadikan Negeri Pulau Pinang lebih kondusif untuk pembangunan ekonomi secara menyeluruh dan terjamin.

Pelan tindakan seterusnya untuk *Penang 2030* merangkumi penerapan konsep utama visi *Penang 2030* melalui jentera Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Pada masa yang sama, bagi memastikan supaya inisiatif kerajaan adalah selaras dengan kehendak rakyat jelata, perbincangan kumpulan fokus akan diadakan secara berperingkat mengikut lapisan masyarakat yang telah dikenal pasti. Kadar kemajuan pembangunan Negeri Pulau Pinang melalui visi *Penang 2030* akan diumumkan secara berkala supaya penajajaran semula dapat dibuat secara sistematik. Penglibatan pihak swasta dalam visi *Penang 2030* juga dapat mempercepatkan penerapan konsep visi *Penang 2030* oleh penduduk Negeri Pulau Pinang. Tambahan pula, inisiatif Kerajaan Negeri yang lain seperti *Penang Green Agenda* serta *Penang Digital Transformation Plan* juga akan membantu dalam penerapan konsep visi *Penang 2030* secara menyeluruh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Soalan Bertulis saya 8/2018 4(B)(XII)12, YB Zairil jawab JKR telah mengemukakan cadangan penambahbaikan syarat MARRIS ke Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) untuk penambahbaikan skop spesifikasi jalan bagi tujuan keselamatan jalan raya dan naik taraf jalan-jalan kampung supaya tidak licin dan berselut ketika banjir.
 - (a) Apakah maklum balas terkini terhadap cadangan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan berkaitan syarat permohonan menggunakan peruntukan MARRIS ke JKR Ibu Pejabat (Cawangan Senggara Fasiliti Jalan), yang telah mengambil kira keperluan pembaikan jalan bagi tujuan keselamatan jalan raya dan naik taraf jalan-jalan kampung supaya tidak licin dan berselut ketika banjir. Maklumbalas yang diterima menetapkan agar Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Negeri menggunakan peruntukan MARRIS dikekalkan untuk digunakan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan menaik taraf jalan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terutamanya jalan kampung, JKR serta agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan juga badan-badan sukarela seperti Bomba Sukarela akan menjalankan kerja-kerja pembersihan jalan-jalan kampung yang licin dan berselut selepas banjir. Sekiranya terdapat keperluan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung, pihak ADUN boleh mengemukakan permohonan kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk proses semakan lanjut yang melibatkan kebenaran tuan tanah, selanjutnya pengiraan anggaran kos naik taraf yang terlibat, sebelum dikemukakan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri untuk pertimbangan lanjut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Terdapat Gerai Makanan di bahu-bahu jalan di Hospital Besar Pulau Pinang dan Jalan Taman Tun Sardon. Mohon diwujudkan kaedah yang sama di Balik Pulau untuk peniaga-peniaga Balik Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Cadangan untuk mewujudkan tapak penjaja di bahu jalan seperti di kawasan Hospital Besar Pulau Pinang dan Jalan Taman Tun Sardon di kawasan Balik Pulau adalah dalam kajian pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MBPP). Walau bagaimanapun penyediaan tapak penjaja di bahu jalan perlu mengambil kira faktor-faktor utama seperti berikut:
- i) Kesesakan lalu lintas;
 - ii) Kebersihan dan keselamatan makanan;
 - iii) Keselamatan pengguna jalanraya; dan
 - iv) Pembangunan masa hadapan (pelebaran jalan, penyelenggaraan utiliti)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Terdapat banyak dewan serbaguna di bawah seliaan pihak PBT dan Pejabat Daerah di seluruh Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan semua dewan serbaguna yang aktif digunakan dan yang terbengkalai.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan guna pakai dewan-dewan yang terbengkalai sebagai tempat bersukan untuk kegunaan komuniti setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Senarai dewan serbaguna yang aktif dan terbengkalai di bawah seliaan pihak PBT dan Pejabat Daerah di seluruh Pulau Pinang adalah seperti berikut:

BIL	PEJABAT DAERAH / PBT	DEWAN AKTIF	DEWAN TERBENGKALAI
1	PDT SPU	15	-
2	PDT SPT	50	-
3	PDT SPS	18	-
4	PDT TL	50	7
5	PDT BD	26	-
6	MPSP	96	23
7	MBPP	59	14

- (b) Pihak PBT dan Pejabat Daerah tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya dewan-dewan yang terbengkalai digunakan sebagai tempat bersukan dan riadah untuk kegunaan komuniti setempat. Walau bagaimanapun, ianya mestilah mematuhi garis panduan dan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat kajian semula keseluruhan rumah pam yang diselenggara oleh JPS dan PBT terutamanya di kawasan Sungai Aceh bagi menampung kapasiti air terutamanya ketika hujan lebat berlaku?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berdasarkan rekod Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP), terdapat tujuh (7) buah rumah pam di Sungai Aceh yang melibatkan Skim Pengairan Sungai Aceh berkeluasan 1365 hektar bagi Kawasan Jelapang Padi. Pam-pam ini hanya digunakan untuk bekalan air pengairan untuk tujuan pertanian, dan bukan berfungsi untuk mengatasi masalah banjir. Pam-pam pengairan ini diselenggara oleh Kawasan

Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA) mengikut keperluan. Manakala, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke atas kesemua rumah pam milik MPSP, cadangan untuk menaik taraf rumah pam yang terlibat telah diambil tindakan seperti berikut:

Bil	Perkara	Status
1	Rumah Pam Perai A, kawasan Perindustrian Perai.	Dalam pembinaan.
2	Rumah Pam Perai B, kawasan Perindustrian Perai.	Dalam pembinaan.
3	Rumah Pam Taman Wira, Teluk Air Tawar.	Permohonan untuk menggunakan wang caruman pamaritan telah dikemukakan kepada JPS.
4	Rumah Pam Taman Usaha dan kawasan Perindustrian Permatang Tinggi.	Dalam proses pelantikan juruperunding.

Pada masa ini, MPSP tidak bercadang untuk menaik taraf rumah pam Taman Sempadan iaitu dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Acheh kerana pam ini masih mampu untuk menampung kapasiti air hujan ketika hujan lebat.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kebakaran besar yang berlaku di Muzium Negara Brazil pada September yang lalu disifatkan sebagai satu kehilangan besar kepada ilmu serta warisan negara Brazil. Misalnya George Town merupakan tapak warisan dunia.
- (a) Sehubungan dengan itu adakah kerajaan telah mempunyai satu sistem yang efisien untuk melindungi bangunan, ilmu dan juga kesenian negara? Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sistem yang digunakan oleh kerajaan bagi melindungi bangunan ilmu dan juga kesenian negara adalah seperti berikut:
- i) Membuat pemeriksaan berkala terhadap alat-alat keselamatan pencegahan kebakaran serta memberikan kursus kepada kakitangan jabatan dengan kerjasama Jabatan Bomba;
 - ii) Bagi kejadian bencana, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan dokumen Arahan No. 20 yang menggariskan mekanisme pengurusan bencana yang menyeluruh serta meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana. Setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing selaras dengan arahan ini. Pengurusan bencana juga dikendalikan secara bersepadu oleh semua agensi supaya tindakan di setiap peringkat menjadi lebih efisien dan efektif. Arahan ini juga bertujuan mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani bencana;
 - iii) Bagi Tapak Warisan Dunia George Town khususnya, *George Town World Heritage Incorporated* telah melaksanakan program *Development of Disaster Risk Reduction Strategy of Heritage City for George Town World Heritage Site* berdasarkan kerangka projek UNESCO (*Capacity Building for Disaster Risk Reduction (DRR) of Heritage Cities in Southeast Asia (SEA) and Small Island Developing States (SIDS) in the Pacific*). Program ini bertujuan mengurangkan risiko dan menyediakan strategi mitigasi terhadap bahaya yang mungkin dialami di tapak warisan dunia selaras dengan piawaian antarabangsa;

- iv) Pemajuan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town hendaklah mematuhi Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town (RKKTWDGT) yang memberi perhatian tinggi kepada aspek keselamatan, khususnya bangunan warisan. Pasukan *Technical Review Panel* telah ditubuhkan di MBPP bagi meneliti permohonan pemajuan dan memastikan semua kriteria keselamatan dipatuhi dan diambil kira sewajarnya;
- v) Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang telah bekerjasama dengan *George Town World Heritage Incorporated* dalam program *Framework For Disaster Reduction* iaitu kaedah mencegah dan menangani risiko bencana. Program ini memperincikan jenis bahaya, kelemahan dan strategi mitigasi termasuk pengurusan risiko bencana. Dalam program '*Framework For Disaster Reduction*', LMNPP bersama GTWHI meneliti beberapa kaedah mencegah dan menanggapi risiko bencana dan memperincikan jenis bahaya yang berisiko berlaku pada bangunan muzium iaitu risiko kebakaran dan banjir. LMNPP juga mengkaji dan memperbaiki kelemahan dalam aspek keselamatan yang terdapat pada bangunan muzium seperti bakal menaik taraf sistem CMS (*Computerized Monitoring System*) kepada SPKA (Sistem Pencegah Kebakaran Automatik) dengan nasihat pihak bomba dan memberi kursus pencegahan serta cara menangani kebakaran dengan kerjasama pihak bomba kepada kakitangan LMNPP. LMNPP juga menitik berat penyelenggaraan berkala pada bangunan dengan memastikan setiap peralatan keselamatan berfungsi dengan baik. Untuk makluman, LMNPP telah meneliti dari segala aspek berkenaan keselamatan bangunan dan sedang menyusun strategi risiko pengurusan keselamatan bangunan dengan kerjasama daripada GTWHI.

Berikut adalah cadangan dan kaedah persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlaku kebakaran dan bencana banjir:-

- (i) Memastikan laluan-laluan tidak disekat untuk menyelamatkan diri (*means of escape*);
- (ii) Mengadakan latihan pengosongan bangunan secara berkala dengan kerjasama Bomba;
- (iii) Memastikan peralatan melawan kebakaran mencukupi dan berfungsi dengan baik dengan penyelenggaraan secara berkala;
- (iv) Membaik pulih sistem saliran dan perparitan di kawasan bangunan muzium;
- (v) Mewujudkan prosedur untuk digunakan apabila berlaku kebakaran iaitu:-
- (vi) Kaedah menyelamatkan diri bagi kakitangan dan pelawat;
- (vii) Kaedah menyelamatkan artifak;
- (viii) kaedah pemindahan artifak ke tempat selamat; dan
- (ix) Penglibatan komuniti dan masyarakat tempatan dalam memahami pengurusan risiko bencana dan kaedah-kaedah mitigasi.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan program untuk membantu orang kurang upaya (OKU) berdikari kerana banyak keluarga bimbang bahawa anak-anak kurang upaya mereka tidak akan dijaga apabila mereka meninggal dunia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Bagi memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) mampu berdikari, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa bantuan / program dari segi kewangan dan peralatan, kemahiran dan peningkatan ekonomi seperti berikut:

- (a) Bantuan Kewangan
- (i) Bantuan kewangan RM130.00 setahun melalui Program Bantuan OKU dan Sumbangan Pengurusan Jenazah, RM1,000.00;
 - (ii) Melaksanakan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi membantu OKU yang mempunyai pendapatan perkapita di bawah RM220.00 melalui bantuan kewangan bulanan secara *top up*;
 - (iii) Elaun Pekerja Cacat (EPC) bagi OKU yang berpendapatan tidak melebihi RM1,200.00 sebulan;
 - (iv) Bantuan Penjagaan OKU Terlantar /Pesakit Terlantar (BPT) sebanyak RM300.00 kepada OKU yang terlantar dan diuruskan oleh ahli keluarga/penjaga 24 jam sehari; dan
 - (v) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM200.00 kepada OKU berusia 59 tahun ke bawah yang tidak berupaya bekerja dan mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi RM720.00 sebulan.
- (b) Bantuan Peralatan, Kemahiran dan Peningkatan Ekonomi
- (i) Memberikan bimbingan kerjaya kepada OKU melalui *Penang Career Assistance and Talent Centre (Penang CAT)* untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian;
 - (ii) Menyediakan peruntukan bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan OKU yang berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun. Bantuan peralatan bagi perniagaan sedia ada bertujuan bagi meningkatkan kapasiti / *output* perniagaan;
 - (iii) Mengadakan Karnival Pekerjaan OKU, seperti *OKU Career Fair* yang telah diadakan di *Sunway Carnival Convention Center* pada Februari 2017 bagi memastikan golongan OKU lebih berdikari dan berdaya maju dalam arus pembangunan masa kini;
 - (iv) Menganjurkan kempen pendaftaran OKU di pameran Kerajaan Digital Pulau Pinang yang bertujuan untuk:
 - Memberi pendedahan kategori baru OKU kepada masyarakat setempat setiap daerah;
 - Menambahkan bilangan pendaftaran OKU melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (*SMOKU*); dan
 - Meningkatkan jaringan kerjasama dengan komuniti masyarakat berhubung dengan pendaftaran OKU; dan
 - (v) Penyediaan tempat letak khas parkir kenderaan untuk OKU oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya di kawasan bank.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sejauh manakah status tanah wakaf di beberapa lot bersebelahan Masjid Jelutong?

- (a) Adakah pembayaran ganti rugi pengambilan tanah sudah selesai dibayar kepada penduduk terlibat?
- (b) Mengapakah pembesaran kubur Islam Masjid Jelutong masih gagal dilaksanakan? Nyatakan sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah memperoleh milikan tanah untuk tujuan wakaf tapak perkuburan Islam bagi qariah Masjid Jelutong pada Mac 2016. Tanah tersebut berkeluasan 5,902 meter persegi dan terletak bersebelahan dengan tapak perkuburan sedia ada.
- (a) Pembayaran ganti rugi kepada penduduk terlibat yang diuruskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut telah selesai sepenuhnya.
 - (b) Kerja-kerja pembesaran tanah perkuburan qariah Masjid Jelutong telahpun dimulakan pada 19 Februari 2018. MAINPP telah melantik jurutera perunding untuk menjalankan kerja-kerja mereka bentuk dan merancang tapak perkuburan yang lebih tersusun dengan konsep baharu seperti pembinaan konkrit untuk menjamin penggunaan tanah perkuburan secara optimum. Status semasa projek tersebut adalah dalam tindakan pihak jurutera perunding untuk memohon kelulusan pelan kerja tanah daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kemasukan Pelaburan Asing:
- (a) Berapakah statistik pelabur asing yang melabur di Pulau Pinang sejak 2008 hingga kini? Adakah jumlahnya bertambah atau semakin berkurangan?
 - (b) Bagaimana Kerajaan berusaha menambah kemasukan pelaburan asing dan memaksimumkan pendapatan melaluinya?
 - (c) Sejauh manakah pencapaian yang diperolehi daripada sektor ini? Sila nyatakan hasil yang diperolehi dengan perincian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pulau Pinang terus mencatatkan kemasukan aliran pelaburan yang sihat dan berterusan, meskipun dengan keadaan ekonomi global yang semakin mencabar. Pelaburan asing berubah-ubah mengikut perkembangan politik dan ekonomi global. Statistik Pelaburan Asing (FDI) pembuatan yang diluluskan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) 2008-Mac 2018 bagi Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAHUN	PELABURAN ASING (RM juta)	% DARIPADA JUMLAH PELABURAN ASING MALAYSIA	KEDUDUKAN PELABURAN ASING ANTARA NEGERI DI MALAYSIA
2008	5,088.00	11%	4
2009	1,449.00	7%	5
2010	10,451.00	36%	1
2011	7,146.00	21%	1
2012	1,126.55	5%	4
2013	1,794.39	12%	4
2014	5,113.59	13%	3
2015	4,498.70	21%	1

2016	3,057.00	11%	3
2017	8,540.49	40%	1
Jan-Mar 2018	580.47	6%	3

Sumber: MIDA

Dalam tempoh 2008-2017, Pulau Pinang telah mencapai pelaburan asing yang tertinggi antara negeri-negeri di Malaysia dalam 4 tahun, dan di tangga ke-3 dalam 3 tahun.

- (b) Pelaburan asing adalah penting terhadap ekonomi negeri Pulau Pinang. Namun begitu, Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada pelaburan domestik dan pembangunan ekosistem perniagaan bagi pertumbuhan yang lebih mampan dan peluang pekerjaan baru yang berpendapatan tinggi di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan sektor pembuatan terus kukuh :

- i) Memberikan tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan (“*medical devices*”), sains kesihatan, aero angkasa dan avionik dan teknologi LED;
- ii) Penambahbaikan infrastruktur dilaksanakan secara berterusan bagi taman perindustrian dan memastikan infrastruktur memenuhi taraf antarabangsa termasuk perkhidmatan jalur lebar dan utiliti seperti elektrik dan air;
- iii) Memantapkan ekosistem perniagaan di Pulau Pinang melalui sinergi syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan dengan tujuan untuk membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam industri-industri galakan melalui usaha-usaha berikut:
 - (a) Menyediakan sistem sokongan vendor tempatan dan penganjuran Hari Pembekal (*Supplier Days*) bersama syarikat MNC yang berniat untuk mencari pembekal tempatan;
 - (b) Membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui Penang SME Centre di Zon Perindustrian Bayan Lepas dengan kadar sewa yang bersubsidi bagi IKS tempatan untuk menjalankan perniagaan. SME Village Batu Kawan juga dibina dan dijual kepada syarikat-syarikat IKS yang telah mengembangkan kapasiti mereka. Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (Pusat S.M.A.R.T.) memberi khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat IKS selain menyediakan seminar pembangunan kapasiti dan direktori perniagaan ‘*online*’; dan
 - (c) Menyediakan Penang *i4.0 Seed Fund* dengan dana permulaan berjumlah RM4 juta (USD 1 juta) untuk membantu usahawan kecil dan syarikat-syarikat *start-up* yang terlibat dalam bidang teknologi seperti sektor “*Internet of Things (IoT)*”, “*e-commerce*” dan bidang-bidang berkaitan bagi mempercepatkan dan mengembangkan pembangunan syarikat-syarikat *startup* di Pulau Pinang; dan
 - (d) Meningkatkan usaha untuk menarik dan mengekalkan bakat dan kemahiran di Pulau Pinang serta meningkatkan minat anak-anak muda dalam *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)* termasuk sektor vokasional dengan langkah-langkah berikut;

- Mengadakan sesi dialog di antara institut pengajian tinggi tempatan dan pelabur-pelabur untuk menyelaraskan “*demand and supply*” bakat- bakat yang diperlukan;
- Melaksanakan program-program yang boleh menarik, melatih serta mengekalkan bakat di Pulau Pinang seperti pemberian biasiswa “*Penang Future Foundation*” (PFF) dan pemberian keutamaan dalam skim perumahan mampu milik;
- Melaksanakan Program Meister Malaysia bagi meningkatkan tahap teknikal tenaga kerja vokasional;
- Memperuntukkan RM75 juta bagi @CAT Penang (*Accelerator for Creative, Analytics and Technology*), *Penang Skills Development Centre* (PSDC), *Penang Science Cluster* (PSC), *Karpal Singh Penang Learning Centre* (KSPLC), *Tech Dome Penang* (TDP), and *Penang Digital Library* (PDL) bagi memupuk minat genererasi muda dalam STEM; dan
- Meningkatkan *connectivity* penerbangan antarabangsa dan pelabuhan melalui usaha-usaha berikut:
- Bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan dan agensi- agensi berkaitan untuk meningkatkan lebih banyak penerbangan terus antarabangsa ke destinasi baharu.
- Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memperluas dan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi memenuhi keperluan pelabur baru dan pelabur sedia ada dari aspek peningkatan kapasiti penumpang dan kargo antarabangsa;
- Menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan laut strategik di utara Malaysia dan selatan Thailand serta menambahbaik fasiliti pelabuhan.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menaiktaraf Pulau Pinang sebagai negeri antarabangsa yang berteraskan konsep “*work, live and play*”. Ini termasuklah peningkatan kualiti pengangkutan awam melalui Pelan Induk Pengangkutan Awam (termasuk laluan LRT) untuk meningkatkan kualiti hidup;
- Memastikan kos menjalankan perniagaan di Pulau Pinang terus kekal kompetitif melalui penandaan aras secara global dan serantau; dan
- Melancarkan Perkhidmatan Perniagaan Global (“*GBS*”) @ *Mayang* di Bayan Baru dan @ *By the Sea* di Taman Perindustrian Bayan Lepas dalam usaha merangsang pelaburan dan peluang pekerjaan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pelan induk pembangunan negeri yang menawarkan ruang perniagaan kondusif dan persekitaran kepada pelabur serta bakat sokongan dari seluruh dunia. Ini juga selaras dengan perancangan Skim Peningkatan Perniagaan Mengikut Daerah - *Business Improvement District Scheme (BIDS)*.

- (c) Pulau Pinang kekal sebagai antara negeri dengan rekod pelaburan asing paling cemerlang di Malaysia. Pada tahun 2017, FDI Pulau Pinang adalah RM8.5 bilion yang merupakan 40% daripada jumlah FDI yang dicatatkan di Malaysia. Lebih penting lagi, Pulau Pinang terus mendapat manfaat daripada peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, peningkatan ekosistem perniagaan, pemindahan ilmu dan teknologi (*knowledge and technology transfer*) dan peluang perniagaan bagi syarikat tempatan yang keseluruhannya menyumbang kepada kemakmuran ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Jelaskan status bangunan yang digunakan oleh Belia 4B Tasek Gelugor di Taman Robina di mana di dalam bangunan tersebut terdapat sebuah gimnasium.
- (a) Mengapa masih tiada proses pengambilan sehingga kini?
- (b) Siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan persekitaran bangunan tersebut? Di mana kawasan sekeliling yang semak samun dan menyakitkan mata memandang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kawasan tersebut disenggarakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dan gimnasium tersebut telah diletakkan di bawah pengurusan Persatuan Belia 4B Tasek Gelugor.
- (a) Satu lawatan tapak bersama YB. ADUN, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 20hb Ogos 2018 ke gimnasium Taman Wira. Semasa lawatan tapak, EXCO Belia dan Sukan telah memberi arahan kepada Jabatan Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Utara supaya mengenal pasti pihak mana yang memegang kunci bangunan gimnasium Taman Wira lalu menyerahkan balik kunci bangunan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara.
- (b) Di samping itu, memandangkan bangunan tersebut terletak di atas tanah kerajaan, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara turut diminta mengambil balik milikan bangunan tersebut. Satu surat daripada EXCO Belia dan Sukan bertarikh 26 September 2018 telah dikeluarkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara meminta supaya menyerahkan gimnasium tersebut kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk pengurusan dan penyelenggaraan memandangkan terdapat kemudahan gim dalam bangunan gimnasium tersebut.
- (c) Pada 23 Oktober 2018, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara melalui surat telah memohon agar satu mesyuarat khas diadakan dengan agensi terlibat seperti Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Pejabat YB. ADUN dan Pejabat EXCO Belia dan Sukan bagi menentukan proses penyerahan bangunan tersebut kepada pihak yang bersesuaian.
- (d) Pengurusan kawasan tersebut adalah terletak di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang adalah bertanggungjawab atas kebersihan dan keselesaan sekeliling bangunan tersebut.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapakah jumlah yang telah dikeluarkan oleh Pusat Zakat Pulau Pinang bagi membayar bil hospital kerajaan dalam Pulau Pinang yang dimohon oleh asnaf dalam tahun 2018?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Zakat Pulau Pinang mengagihkan bantuan perubatan yang disalurkan terus kepada asnaf yang memohon dan bukan dibayar kepada hospital. Sehingga 25 Oktober 2018, jumlah keseluruhan bantuan perubatan yang telah dikeluarkan kepada asnaf yang layak adalah berjumlah RM2,812,108.01 dan diagihkan kepada 871 penerima.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senaraikan projek pembangunan lereng bukit melebihi 73m dari aras laut yang diluluskan dari 2009 hingga 2018. Adakah projek ini perlu mendapat kelulusan EIA/DEIA?
- (a) Bukit Kukus dicerobohi dan berlaku hakisan teruk. Huraikan bentuk pemantauan dan kerja-kerja mitigasi yang telah dilaksanakan.
- (b) Aliran sungai menjadi punca runtuhan, apakah tindakan MBPP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jumlah projek pembangunan lereng bukit yang melebihi 73 meter dari aras laut yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2009 sehingga 2018 adalah sebanyak 13 buah projek. Sebanyak 10 buah projek dibina di Daerah Barat Daya dan tiga (3) buah projek lagi di Daerah Timur Laut. Semua projek-projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA). Senarai projek-projek terlibat adalah seperti di lampiran.

Untuk bangunan bertingkat, walaupun tapak mungkin mempunyai kawasan yang melebihi 76 meter, *footprint* pembangunan tidak dibenarkan di kawasan yang melebihi 76 meter dan perlu berada di dalam kecerunan kelas 1 dan 2 sahaja.

- (a) Kerja-kerja pemantauan yang dijalankan sepanjang tempoh pembinaan adalah memastikan laluan utama ke tapak projek sentiasa dikawal oleh pihak keselamatan. Memandangkan kawasan berbukit sukar dikawal dan boleh dimasuki dari setiap arah, kegiatan pencerobohan didapati masih berlaku. Untuk itu, kawalan keselamatan telah ditingkatkan dengan menambah lokasi kawalan dan memastikan rondaan sentiasa dibuat.

Kerja-kerja mitigasi yang telah dilaksanakan adalah mengikut pelan kawalan hakisan dan mendapan (*Erosion and Sedimentation Control Plan - ESCP*) seperti memasang *geotextile*, mengadakan *check dam*, *silt trap*, mengeluarkan kelodak atau mendapan, kerja-kerja pembersihan serta memastikan aliran air permukaan disalurkan dengan baik.

- (b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas bagi menjalankan siasatan punca kejadian tanah runtuh dan seterusnya memberi cadangan penambahbaikan bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh di masa hadapan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (DOSH) dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan jawatankuasa siasatan masing-masing berikutan kejadian ini.

Selain itu, MBPP telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mengambil tindakan ke atas aliran air bukit dengan menyediakan saluran untuk mengalirkan air larian bukit ke anak sungai. Seterusnya air tersebut dialirkan ke kolam mendapan supaya air yang berkelodak ditapis dan kemudiannya disalurkan ke sungai.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Nyatakan kawasan di Seberang Perai yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan di bawah Pelan Pelancongan Induk yang dicadangkan.
- (a) Nyatakan bagaimana kerajaan akan membantu membangunkan kawasan-kawasan ini menjadi destinasi pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang masih dalam proses penyediaan dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti destinasi eko pelancongan di Seberang Perai seperti berikut:
- (i) Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam di Daerah Seberang Perai Utara;
- (ii) Persisiran Teluk Air Tawar - Kuala Muda di Daerah Seberang Perai Utara;
- (iii) Taman Rimba Bukit Mertajam di Daerah Seberang Perai Tengah; dan
- (iv) Taman Negeri Bukit Panchor di Daerah Seberang Perai Selatan.
- (a) Kerajaan akan membantu membangunkan kawasan-kawasan ini menjadi destinasi pelancongan melalui tindakan-tindakan berikut:
- (i) Menggiatkan promosi pelancongan bagi destinasi eko pelancongan melalui penyertaan Kerajaan Negeri dalam pameran pelancongan dan pameran perdagangan. Di samping itu, destinasi eko pelancongan Pulau Pinang juga diterbitkan dalam bentuk risalah, peta dan dokumentari untuk edaran umum;
- (ii) Memberi tumpuan kepada aktiviti *birdwatching* kerana kawasan-kawasan tersebut menjadi lokasi persinggahan burung-burung hijrah dan juga burung spesies tempatan. Sebagai contoh, kawasan hutan bakau sepanjang persisiran pantai Teluk Air Tawar - Kuala Muda telah dikenali oleh badan antarabangsa *Birdlife International* sebagai salah satu lokasi yang mempunyai kekayaan kepelbagaian biologi kerana mempunyai kawasan beting dan hutan bakau yang luas. Selain itu, risalah *Birdwatching in Penang* juga telah diterbitkan bagi meningkatkan minat kepada aktiviti ini; dan
- (iii) Menaik taraf kemudahan rekreasi kepada pengunjung seperti menyediakan denai hutan, pondok rehat, pusat penerangan, tandas, bilik air, kantin, tempat letak kenderaan, tapak perkhemahan dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan ini akan membantu menambahkan keselesaan pelancong. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan telah memperuntukan sejumlah RM1.75 juta dari tahun 2016 hingga 2018.

Baru-baru ini, Pejabat EXCO Pembangunan Pelancongan telah menghantar satu surat kepada setiap ADUN meminta dikemukakan produk pelancongan dan tempat-tempat yang berpotensi boleh dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Dalam mempertingkatkan lagi keselamatan terhadap pembangunan di kawasan kawasan yang sensitif, apakah langkah-langkah yang dapat di ambil oleh agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan segala pembangunan tersebut lebih selamat dan tidak terkesan oleh persekitaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sememangnya mengambil

perhatian terhadap keselamatan pembangunan di kawasan-kawasan sensitif di Pulau Pinang. Untuk itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan-tindakan berikut bagi memastikan projek-projek pembangunan yang dijalankan di kawasan-kawasan sensitif adalah lebih selamat dan tidak meninggalkan kesan kepada alam sekitar.

- (a) Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh MPSP adalah seperti berikut :-
- (i) Memastikan tiada sebarang pembangunan dengan ketinggian di paras 76 m dan ke atas dibenarkan;
 - (ii) Mensyaratkan semua pembangunan di kawasan berbukit mematuhi *Safety Guideline For Hillside Development 2012*;
 - (iii) Merujuk semua permohonan di kawasan berbukit/bercerun ke pihak Jabatan Mineral & Geosains Malaysia (JMG) untuk ulasan di peringkat permohonan kebenaran merancang;
 - (iv) Memastikan pemaju mematuhi semua kehendak-kehendak *Erosion Sediment Control Plan (ESCP)* ketika peringkat kerja tanah; dan
 - (v) Menjalankan pemantauan secara berkala di kawasan-kawasan bercerun.
- (b) Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh MBPP adalah seperti berikut :
- (i) Memastikan sebarang permohonan pemajuan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town hendaklah mematuhi Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town (RKKTDWGT) yang telah diwartakan pada 1.9.2016;
 - (ii) Memantau dan mengambil tindakan terhadap bangunan-bangunan usang dan berbahaya di kawasan George Town dan sekitarnya dengan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Seksyen 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik untuk menghapuskan kacau ganggu seperti membersihkan sisa-sisa kebakaran, membaiki bangunan, mendirikan pagar keselamatan (*hoarding*) di kawasan bangunan yang boleh mengancam keselamatan, mengeluarkan pokok-pokok liar yang tumbuh di bangunan dan sebagainya;
 - (iii) Mengambil inisiatif keselamatan dalam menyediakan infrastuktur di kawasan ini seperti pemasangan CCTV, penyediaan laluan kaki lima tanpa halangan, laluan basikal dan menaik taraf lorong-lorong belakang sedia ada; dan
 - (iv) Memastikan syarat-syarat teknikal untuk kawasan sensitif mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan jabatan-jabatan dalaman MBPP. Syarat-syarat jabatan teknikal tersebut akan dijadikan sebahagian syarat dalam Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan juga Pelan Jalan Dan Parit. Untuk itu, sebarang projek pembangunan di kawasan sensitif perlu menuruti syarat-syarat berikut :-
 - Mendapatkan kelulusan Kajian Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum pelan bangunan diluluskan;
 - Memastikan syarat-syarat kelulusan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) dipatuhi; dan

- Memastikan syarat-syarat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan Tanah Berisiko melalui Laporan Geoteknik untuk cadangan pembangunan diikuti.

Selain itu, semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan, syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :-

- (a) Sistem perparitan hendaklah dibaik pulih dan disediakan dengan sempurna sebelum, semasa dan selepas pembinaan dijalankan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan sekitar tapak pemajuan.
- (b) Kerja-kerja sistem perparitan / saliran, kestabilan cerun / lereng, pemotongan cerun / lereng, pembinaan jalan dan penyediaan langkah-langkah keselamatan di tapak hendaklah disempurnakan terlebih dahulu sebelum Sijil Kebenaran Mula Kerja (COW) bangunan dikeluarkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Pulau Pinang adalah Negeri Pertama di Malaysia yang mengutarakan kesediaan untuk memperuntukkan tanah bagi pembinaan Sekolah Menengah Tamil pertama di Malaysia.
 - (a) Nyatakan lokasi, keluasan dan status tanah yang disediakan untuk tujuan tersebut.
 - (b) Apakah tindakan susulan Kerajaan Negeri dalam hal ini, setelah rakyat memilih Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk memperuntukkan sebidang tanah kerajaan di kawasan Bagan Dalam, Butterworth untuk pembinaan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih dalam penelitian akhir bagi cadangan tapak lokasi tersebut.
- (b) Memandangkan pembinaan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama dalam negara merupakan salah satu manifesto Pakatan Harapan, satu jawatankuasa khas dengan keahlian seramai lapan (8) orang yang terdiri daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) keturunan India dari Pakatan Harapan telah ditubuhkan bagi merealisasikan janji-janji Pakatan Harapan untuk masyarakat India seperti yang digariskan dalam manifesto.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pendidikan Tamil di Malaysia pada 26 dan 27 November 2018 di Light Hotel, Seberang Jaya. Persidangan ini bertujuan mencari kaedah untuk menambah baik sistem pembelajaran dan pengajaran dalam bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Persidangan ini turut akan membincangkan berkenaan pembinaan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama dalam negara dan masa depan sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Apakah perancangan Kerajaan Negeri seterusnya mengenai projek tebatan banjir di Ladang Hong Seng?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan pelan reka bentuk untuk pelaksanaan kerja-kerja pembaikpulihan dan mitigasi bagi menangani masalah banjir yang berlaku akibat mendapan tanah di Ladang Hong Seng pada 29 September 2017. Hasil siasatan di tapak mendapati punca kejadian banjir tersebut adalah disebabkan oleh kejadian mendapan tanah di atas Lot 3599, Mukim 18,

Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan Lot 988, Seksyen 1, George Town, Pulau Pinang, yang mana telah menutup laluan punca alur sungai di atas lot tersebut. Pelan reka bentuk bagi kerja-kerja pembaikpulihan dan mitigasi telah disiapkan oleh MBPP pada bulan Februari 2018. Kerja-kerja pembaikpulihan dan mitigasi tersebut akan dilaksanakan melalui pangsang tender setelah isu-isu berikut diselesaikan:

- (i) Tanah tersebut adalah tanah persendirian dan dimiliki beberapa individu berlainan. Pemilik tanah terlibat harus memberi persetujuan sebelum kerja-kerja mitigasi di tapak dapat dijalankan;
- (ii) Pindahan penduduk diselesaikan; dan
- (iii) Penyenggaraan yang akan dilaksanakan setelah kerja-kerja pembaikpulihan dan mitigasi disiapkan di tapak.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri telah membentuk MMK Keterangkuman Gender baru-baru ini.

- (a) Apakah yang ingin dicapai oleh MMK Keterangkuman Gender?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. MMK Keterangkuman Gender (KG) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- (a) Penggunaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) secara lebih menyeluruh di Pulau Pinang MMK Keterangkuman Gender akan mendorong untuk penggunaan GRPB secara lebih menyeluruh di Pulau Pinang. GRPB merupakan pendekatan berorientasikan rakyat yang menghubungkan kerajaan dan rakyat untuk mendapatkan hasil yang efektif dan menyeluruh. GRPB merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan dan pengguna perkhidmatan. Ia membantu memastikan penglibatan kumpulan-kumpulan berlainan dalam komuniti dengan latar belakang berbeza dari segi jantina, umur, etnik, orang kurang upaya dan lain-lain. Pelaksanaan GRPB akan memastikan pengagihan sumber lebih bersifat sensitif gender dan umur untuk meningkatkan penglibatan komuniti dan mencapai kesaksamaan gender.

- (b) Kesaksamaan gender

Melalui penubuhan MMK Keterangkuman Gender, penglibatan golongan wanita dan lelaki secara seimbang sebagai pembuat keputusan akan diberi keutamaan. Perwakilan yang seimbang membolehkan isu berkaitan gender diberi keutamaan. Perkara ini akan dapat dicapai melalui penyediaan dasar di mana semua syarikat Kerajaan Negeri melantik 30% wanita dalam Lembaga Pengarah syarikat.

- (c) Mengurangkan jurang gender dalam peluang pekerjaan antara wanita dan lelaki

Melalui MMK Keterangkuman Gender, agenda merapatkan jurang gender dalam sektor pekerjaan akan diberi perhatian. Jawatankuasa Keterangkuman Gender tidak semestinya membawa manfaat untuk golongan wanita sahaja, malah untuk golongan lelaki. Peluang untuk mengambil bahagian dalam industri yang didominasi oleh golongan wanita seperti kejururawatan dan pendidikan kanak-kanak harus dibuka untuk golongan lelaki juga. Sebaliknya, industri yang didominasi oleh golongan lelaki seperti pembinaan dan kejuruteraan, harus digalakkan untuk golongan wanita juga.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Keretakan bangunan akibat daripada mendapan tanah.

- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap keadaan bangunan yang mengalami keretakan di bahagian bawah bangunan akibat daripada mendapan tanah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mempunyai beberapa kaedah tindakan yang boleh diambil sekiranya terdapat keretakan bahagian bawah bangunan dalam fasa pembinaan seperti berikut:

- (i) Mengarahkan perunding/pemaju untuk mengkaji semula keselamatan dan kestabilan bangunan yang sedang dalam pembinaan seperti peruntukan dalam Seksyen 70B, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.
- (ii) Mengarahkan perunding supaya tidak mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) seperti peruntukan Seksyen 70 Akta Jalan Parit dan Bangunan.

(b) Sekiranya terdapat keretakan pada bahagian bawah bangunan sedia ada, PBT perlu menyasat punca berlakunya mendapan tanah dan mengambil tindakan untuk menghapuskan punca mendapan. Tindakan-tindakan yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada pemilik bangunan supaya mengemukakan laporan kekukuhan struktur oleh jurutera bertauliah.
- (ii) Mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1976 kepada pemunya bangunan untuk membaiki kerosakan atau mengosongkan bangunan yang berbahaya.

Mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 84, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1976 kepada pemunya bangunan untuk menutup bangunan tersebut sekiranya didapati tidak selamat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Untuk menegakkan prinsip pengasingan kuasa, adakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan kembali Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 bagi mengembalikan kewibawaan DUN Pulau Pinang?

- (a) Terangkan pembaharuan dan perubahan sistem demokrasi berparlimen yang telah dibuat oleh DUN Pulau Pinang sejak 2008?
- (b) Nyatakan hala tuju dan sasaran DUN Pulau Pinang untuk penggal yang baru ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Akta perkhidmatan Parlimen 1963 menegakkan prinsip pengasingan kuasa. Melalui akta tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dapat ditubuhkan untuk menguruskan segala hal ehwal pentadbiran, pengurusan, kewangan dan lain-lain yang berkenaan dengan Parlimen. Parlimen akan mempunyai autonomi sendiri serta dapat memainkan peranan dengan menimbang serta memeriksa kuasa eksekutif kerajaan demi kebaikan rakyat dan negara. Kerajaan Negeri akan menimbang dan memperincikan pelaksanaan akta ini bagi manfaat DUN Pulau Pinang.

- (a) Sejak tahun 2008, beberapa pembaharuan dan perubahan sistem demokrasi berparlimen telah dilaksanakan di DUN Pulau Pinang. Bagi memastikan ADUN mempunyai lebih ruang untuk menyuarakan hasrat dan pandangan rakyat, sesi soalan lisan yang sebelum ini berlangsung hanya 3 jam pada hari pertama

persidangan DUN telah dipanjangkan kepada satu setengah (1 ½) jam setiap hari persidangan. Selain itu, jawapan kepada semua soalan bertulis akan diletakkan di atas meja ADUN pada hari pertama persidangan bagi membolehkan ADUN meneliti jawapan dan menyuarakan sebarang isu berkaitan jawapan tersebut dalam tempoh persidangan.

Bagi memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kemajuan dan perkembangan Negeri Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga telah menyediakan ruang kerja untuk para media dan tempat khas untuk sidang media diadakan secara langsung dari Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Terkini, jawatan Ketua Menteri juga akan dihadkan kepada dua penggal sahaja. Pindaan perlembagaan akan dibuat dalam sidang ini bagi merealisasikan perkara ini. Perlantikan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan (PAC) juga telah dibuat pada penggal ini bagi memastikan peranan *check and balance* dimainkan dengan lebih telus.

- (b) Secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri adalah untuk menggubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam senarai negeri dan senarai bersama.

Peranan DUN yang seterusnya adalah memantau institusi pemerintah iaitu jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ahli-ahli DUN bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya DUN juga berperanan sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan.

Justeru melalui peranan yang dimainkan oleh Dewan Undangan Negeri, hala tuju dan sasaran DUN harus selari dengan peranan yang dimainkan. Melalui pembaharuan dan perubahan yang dilakukan sejak 2008, DUN akan terus diperkasakan dan memainkan peranan dengan lebih telus, cekap dan berintegriti.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Nyatakan statistik golongan belia yang terlibat dalam kegiatan jenayah.

- (a) Apakah jenis jenayah yang paling kerap melibatkan golongan belia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Belia sering digambarkan sebagai golongan yang akan mewarisi dan bakal pemimpin masa depan negara. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2017, jumlah belia Malaysia adalah seramai 13.88 juta orang. Jumlah ini mewakili 45.90 peratus keseluruhan populasi Malaysia. Namun demikian, belia sering dikaitkan dengan pelbagai isu dan masalah sosial seperti penagihan dadah, lumba motor haram, samun, pecah rumah, curi motosikal, buang bayi dan sebagainya. Statistik golongan belia yang terlibat dalam kegiatan jenayah sehingga 15 Oktober tahun 2018 adalah dilampirkan seperti **Lampiran A**.

- (a) Jenis jenayah yang paling kerap dilakukan oleh golongan belia sehingga 15 Oktober tahun 2018 adalah kes curi motosikal iaitu sebanyak 551 orang diikuti kes lain-lain kecurian 483 orang, Samun berkawan tanpa senjatapi 338 orang, mencederakan 333 orang dan kes pecah rumah 307 orang.

RUJUK LAMPIRAN A

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Projek pembangunan bercampur di Pulau Jerejak oleh *Tropical Island*.
- (a) Adakah satu kajian mengenai impak kepada sistem ekologi telah dibuat?
 - (b) Apakah kesan geografi kepada pembangunan di sekitar?
 - (c) Adakah dalam projek tersebut akan dibina Taman Tema Permainan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Induk projek pembangunan bercampur di Pulau Jerejak oleh *Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIRSB)* telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 30 Ogos 2016.
- (a) TIRSB telah menyediakan Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan pembangunan bercampur di Pulau Jerejak dan cadangan pembinaan jambatan baharu antara Pulau Jerejak dan Pulau Pinang. Laporan EIA ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 Jun 2018 untuk pertimbangan dan kelulusan. Kajian impak kepada "sistem ekologi" telah diambil kira dan dimasukkan dalam Laporan EIA yang telah diluluskan oleh pihak JAS pada 20 Julai 2018.
 - (b) Kesan geografi kepada pembangunan di sekitar akan ditentukan semasa pemaju menyediakan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Berdasarkan laporan EIA yang diluluskan oleh JAS, pembangunan yang dicadangkan melibatkan kawasan pesisir pantai Pulau Jerejak dan tidak melibatkan kawasan berketinggian melebihi 76 meter. Oleh yang demikian, kajian kesan geografi yang terperinci adalah tidak signifikan berdasarkan hasil kajian perunding.
 - (c) Berdasarkan kepada pelan induk yang telah diluluskan dalam projek tersebut, TIRSB bercadang untuk membangunkan Taman Tema di bahagian selatan Pulau Jerejak. Walau bagaimanapun, TIRSB belum mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk cadangan taman tema tersebut.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Sila jelaskan pemilik dan pengusaha feri Pulau Pinang serta huraikan:-
- (a) Jumlah feri yang beroperasi, status baki feri dan kos operasi.
 - (b) Jumlah kereta, motosikal dan penumpang yang menaiki feri serta kutipan bulanan bagi 2018.
 - (c) Apakah perancangan untuk meningkatkan kekerapan perjalanan, tahap penggunaan feri serta pengenalan *water taxi*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Pemilik dan pengusaha perkhidmatan feri Pulau Pinang adalah *Rapid Ferry Sdn Bhd* berkuatkuasa mulai 1 Mei 2018.
- (a) Jumlah keseluruhan feri adalah sebanyak enam (6) buah. Jumlah feri yang beroperasi pada satu-satu masa adalah sebanyak lima (5) buah iaitu Feri Pulau Pinang, Pulau Undan, Pulau Angsa, Pulau Payar dan Pulau Kapas. Sebuah feri iaitu Feri Pulau Talang-talang sedang dalam proses pembaikan oleh pihak *Penang Port Sdn Bhd (PPSB)* dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari 2019. Sepanjang lima (5) bulan perkhidmatan feri dikendalikan oleh pihak *Rapid Ferry Sdn Bhd*, jumlah kos operasi feri adalah sebanyak RM1.749 juta sebulan. Kos ini tidak termasuk kos 'docking' yang dilaksanakan oleh *PPSB*.

- (b) Jumlah kereta, motosikal dan penumpang (pejalan kaki) yang menaiki feri serta kutipan bulanan bagi tempoh Mei sehingga September 2018 akan diedarkan kepada Yang Berhormat selepas sesi soal jawab.
- (c) Buat masa ini, kekerapan feri adalah sebanyak 54 perjalanan sehari pada hari bekerja dan 50 perjalanan sehari pada hujung minggu dan cuti umum. Kerajaan Negeri kini sedang meneliti beberapa perancangan untuk meningkatkan lagi kekerapan perjalanan, tahap penggunaan feri dan pengenalan 'water taxi' seperti berikut:
 - (i) Mengadakan perbincangan bersama pihak Rapid Ferry untuk mengoptimumkan perjalananan feri sehari;
 - (ii) Cadangan untuk menggunakan 'vessel passenger' khusus untuk mengangkut penumpang pejalan kaki berdasarkan Pelan Pembangunan Feri; dan
 - (iii) Meneliti laluan-laluan lain yang berpotensi untuk dijadikan laluan water taxi.

RUJUK LAMPIRAN A

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Sesuai dengan polisi Kerajaan Negeri yang menjunjung Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan mengamalkan Islam Rahmatallil Alamin, senaraikan program-program dan inisiatif yang telah diambil sepanjang tahun 2018.

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Pelbagai program serta inisiatif yang berteraskan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP sepanjang tahun 2018.

Al-Islam Rahmatun Lil Alamin menjadi tema sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang bermula tahun 2015 sehingga 2018 serta dijadikan tema tetap untuk semua majlis-majlis rasmi agama Islam di peringkat Negeri Pulau Pinang. Dalam hubungan ini, di antara program yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :-

- (a) Majlis Sambutan Maal Hijrah,
- (b) Majlis Sambutan Maulidur Rasul,
- (c) Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Negeri Pulau Pinang,
- (d) Majlis Hafazan Al-Quran peringkat Negeri Pulau Pinang,
- (e) Majlis Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran selama 4 bulan iaitu Rejab, Syaaban, Ramadhan dan Syawal . Majlis ini turut diisi dengan program Celik Al-Quran, Kelas Tahsin Dan Tafsir, Hafazan dan Talaqi al-Quran, Khutbah Medium Wahyu Ilahi, Seminar al-Quran, Street Dakwah dan Program Share The Love, Bacaan Kitab Nurul Iqtibas Min Misykatil Hadis Ibnu Abbas, Sambutan Nuzul Quran dan Jelajah Ibrah al-Quran.

Selain daripada program yang dijalankan di peringkat negeri, pelbagai program juga turut dilaksanakan yang berkonsepkan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin secara berkala di seluruh Negeri Pulau Pinang, antaranya ialah:-

- (a) Program Muallaf Talk Show Peringkat Negeri Pulau Pinang yang bermula pada 25 Januari hingga 4 Februari 2018 di 32 buah masjid di seluruh Pulau Pinang.
- (b) Program Open Mosque pada 9 Ogos 2018 di Masjid Bertam Indah, Kepala Batas. Program ini terbuka kepada masyarakat bukan Islam untuk hadir ke masjid dan

mengikuti pelbagai aktiviti yang dapat meningkat kefahaman masyarakat terhadap agama Islam.

- (c) Sepanjang tahun JHEAIPP melalui Bahagian Dakwah melaksanakan aktiviti ziarah mahabbah ke rumah-rumah saudara baru di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan mengagihkan bantuan makanan serta memberi bimbingan agama kepada saudara baru.
- (d) Program Remaja Permata Hatiku pada 2 Mei 2018 melibatkan hampir 500 orang pelajar yang dibimbing oleh YBhg. Ustaz Ebit Liew, seorang pendakwah bebas dan pakar motivasi.
- (e) Program Mahrajan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin pada 5 dan 6 Mei 2018 di Masjid Sembilang, Seberang Jaya. Pelbagai acara telah diadakan sepanjang program dijalankan seperti pameran, pertandingan pidato, Malam Cinta Rasul, expo jualan produk muslim dan bumiputra serta lain-lain lagi.
- (f) Program Ziarah Pesakit ke hospital juga turut dilakukan sepanjang tahun dengan diurusetikan oleh Bahagian Undang-undang Keluarga Islam JHEAIPP melalui Program Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti.

Secara keseluruhannya, amalan yang berteraskan Al-Islam Rahmatun Lil alamin yang dilaksanakan di Pulau Pinang sejak dari tahun 2015 sehingga kini telah mendapat sambutan yang sangat positif serta menggalakkan daripada masyarakat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 34. Bagi kawasan Padang Benggali hingga ke Kuala Bekah adalah merupakan kawasan pantai yang ada Pokok Api-Api.
 - (a) Adakah kawasan ini merupakan kawasan simpanan tanpa pembangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 34. (a) Sebagai makluman Yang Berhormat, pada masa ini Tanah Kerajaan Negeri di sepanjang pesisiran Paang Benggali hingga Kuala Bekah, Mukim 4, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah perhutanan semula jadi pokok api-api. Sehingga kini, keluasan masih bertambah. Dalam Pelan Perancangan Bandar dan Desa belum diwartakan untuk apa-apa juga pembangunan. Bagan Belat yang berdekatan Padang Benggali telah mula menjadi tapak pelancongan kerana terdapat banyak jenis burung berhijrah (*migrant birds*). Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang sedang mewartakan tapak ini sebagai HUtan Simpanan Kekal.

Ahli Kawean Jawi (YB. Hng Mooi Lye) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 35. Adakah semua rumah pam di DUN Jawi diselenggara secara berkala?
 - (a) Jika ada terangkan mekanisme penyelenggaraan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 35. Kesemua enam (6) buah rumah pam di KADUN Jawi iaitu Rumah Pam Nibong Tebal, Rumah Pam Sanglang, Rumah Pam Sanglang B, Rumah Pam Che Aminah, Rumah Pam Bagan Buaya dan Rumah Pam Victoria diselenggara secara berkala iaitu setiap 3 bulan sekali oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah yang berkenaan. Walau bagaimanapun jadual penyelenggaraan rumah pam ini juga bergantung kepada *running hour* operasi pam tersebut di mana pam berkenaan akan diselenggara lebih awal dari jadual sebenar. Selain penyelenggaraan berkala, pihak JPS juga membuat pembaikan luar jangka ke atas kerosakan pam yang dilaporkan.

Mekanisme penyelenggaraan rumah pam secara berkala melibatkan penggunaan senarai semak asas penyelenggaraan pam yang disyorkan oleh pihak pengeluar pam dan yang ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (BPME) JPS Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan senarai semak tersebut, kerja-kerja penyelenggaraan dan

pembaikan yang diperlukan akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara sebut harga, tender atau melalui tatacara perolehan yang berkuat kuasa.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Edaran kanopi 'I LOVE PENANG' kepada penjaja kecil amat membantu memacu ekonomi golongan usahawan ini.
- (a) Sila perincikan manfaat lain untuk penjaja kecil di bawah pengurusan Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan penjaja kecil di Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebahagian daripada penyumbang pembangunan ekonomi di negeri ini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai faedah untuk golongan penjaja kecil seperti berikut:
- (i) Mengecualikan lesen penjaja secara *one-off* kepada semua penjaja untuk tahun 2018;
- (ii) Memberi peluang kepada penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan di ruang niaga majlis. Pihak majlis menyediakan kadar sewaan yang rendah berbanding ruang niaga swasta / kadar sewaan pasaran;
- (iii) Menyediakan ruang niaga baru (Pasar Awam / Kompleks Makanan) yang disyaratkan kepada pemaju ketika pemajuan baru di satu-satu kawasan; dan
- (iv) Memberi peluang kepada aktiviti perniagaan berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan selaras dengan trend perniagaan terkini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Apakah penyelesaian untuk membaik pulih lantai futsal rosak setelah bumbung jatuh Mei 2017 dan tempas hujan banjir lumpur selepas surat 99 petisyen belia diberi kepada Ketua Menteri semasa Majlis Perasmian Futsal dan Pecah-Tanah Dewan pada September 2017, surat Adun 25/10/18, surat JKKK 8/9/2018 serta permohonan pasang pagar di Dewan baru Taman Guar Perahu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Untuk makluman Yang Berhormat, lantai gelanggang futsal Taman Guar Perahu adalah dalam keadaan baik dan tidak memerlukan baik pulih buat masa ini. Masalah yang diutarakan adalah gelanggang menjadi licin akibat tempas air hujan memandangkan bumbung futsal yang tinggi dan kejadian lumpur yang memasuki gelanggang dari kawasan cerun berkaitan. Pemasangan *awning* dan pembinaan parit perimeter yang dicadangkan oleh Yang Berhormat perlu diperhalusi dengan mengambil kira pandangan dari jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah.

Projek Dewan Guar Perahu pula dalam fasa akhir pembinaan dan dijangka siap pada bulan November. Pemasangan pagar adalah tidak termasuk dalam skop, spesifikasi dan pelan yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh ADUN Kawasan. Ini berlandaskan kepada konsep dewan terbuka kepada masyarakat sekitar Taman Guar Perahu yang akan menggunakan kemudahan dewan ini dalam aktiviti penduduk setempat.

Permohonan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penanti melalui emel pada 25 Oktober 2018 akan diteliti berdasarkan keutamaan perancangan projek-projek pembangunan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Mohon dipertimbangkan untuk mengadakan perkhidmatan *One Stop* di Balik Pulau di mana orang ramai boleh ke sana untuk semua urusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan lain-lain agensi Kerajaan Negeri dan Pusat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Kerajaan Persekutuan ada menubuhkan *one stop centre* yang dinamakan *Urban Transformation Centre* (UTC) dan *Rural Transformation Centre* (RTC). RTC di Pulau Pinang beroperasi di Simpang Ampat, Nibong Tebal yang dibuka setiap hari kecuali cuti umum bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 10.00 malam.

Penubuhan UTC atau RTC perlu mengambil kira permintaan dan keperluan penduduk setempat agar perkhidmatan yang ditawarkan dapat dinikmati sebaiknya. UTC dan RTC diterajui oleh Kementerian Kewangan dan hasrat Kementerian Kewangan adalah untuk menubuhkan UTC Negeri di setiap ibu negeri di Malaysia. Sekiranya terdapat keperluan serta peruntukan kewangan yang membenarkan, Kementerian Kewangan akan mewujudkan UTC Bandar di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Bagi tahun 2019, Kementerian Kewangan dalam perancangan untuk menubuhkan UTC Pulau Pinang berdasarkan kepada ketersediaan peruntukan dan keperluan. Bagi tujuan penubuhan UTC Pulau Pinang, Kementerian Kewangan kini sedang melaksanakan kajian mengenainya. Lokasi dan bangunan akan dijadikan UTC masih belum dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Senaraikan statistik golongan yang berpendapatan kategori Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah (B40), Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Pertengahan (M40) dan Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 20% Tertinggi (T20) di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Semakan dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sehingga jawapan ini disediakan, statistik pendapatan kategori Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah (B40), Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Pertengahan (M40) dan Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 20% Tertinggi (T20) tidak dapat diperolehi. Oleh itu, jumlah sebenar pendapatan golongan ini tidak dapat dikemukakan.

(a) Kerajaan telah menjalankan beberapa program kebajikan dalam usaha membasmi kemiskinan termasuk bagi golongan B40 di setiap daerah sejak tahun 2008 hingga sekarang. Pelbagai agensi Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan telah bekerjasama dalam membantu rakyat terutamanya golongan miskin. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli golongan B40:

- (i) Program Agenda Ekonomi Saksama (AES)

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) iaitu sebuah program pembasmian kemiskinan yang memberikan bantuan kewangan bulanan secara *top-up* kepada individu/keluarga yang mempunyai pendapatan per kapita RM220.00. Bantuan ini diberikan kepada golongan miskin yang berada di bandar ataupun luar bandar tanpa mengira kaum, jantina dan ideologi politik. Pelaksanaan program ini sejak Mac 2009 telah memanfaatkan ramai individu/keluarga berbilang bangsa dan setakat September 2018, seramai 1,052 orang telah menerima bantuan kewangan ini. Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM30,569,957.00 meliputi semua daerah di Pulau Pinang.

(ii) Program iSejahtera

Kerajaan Negeri akan meneruskan program iSejahtera bagi menghargai dan mengenang jasa bakti rakyat yang merangkumi warga emas, orang Kurang upaya (OKU), ibu tunggal, suri rumah, pelajar, dan bayi yang merangkumi program berikut:

- Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan OKU, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Ibu Emas dan Program Skim Pelajar Emas yang dilaksanakan setiap tahun dengan sumbangan sebanyak RM100.00 seorang.
- Skim Pelajar Emas di mana bayaran RM100.00 secara *one-off* diberikan kepada pelajar Tahun 1 dan 4, Tingkatan 1 dan 4 bagi meringankan beban ibu bapa;
- Program Anak Emas yang merupakan program penghargaan kepada setiap kelahiran rakyat Negeri Pulau Pinang akan diberi RM200.00 secara *one-off*; dan
- Bantuan *one-off* sebanyak RM1,000.00 kepada waris warga emas, ibu tunggal dan OKU bagi pengurusan jenazah.

(iii) Program Khas Ekonomi

Kerajaan Negeri akan meneruskan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan perniagaan kurang dari RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan bertujuan bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk *output* yang lebih besar. Setakat kini, Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonom telah memperuntukkan sebanyak RM1,276,922.92 kepada 580 orang rakyat miskin di semua daerah.

(iv) Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang

Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang akan diteruskan bagi mengurangkan kemiskinan melalui program mikro kredit yang memberikan pinjaman tanpa sebarang cagaran dan penjamin kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan miskin untuk menceburi bidang perniagaan. Bagi Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang, dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Jumlah pinjaman adalah di antara RM2,000.00 hingga maksima RM25,000.00 dan tempoh bayaran balik adalah di antara dua (2) hingga tiga (3) tahun. Sehingga kini, program ini telah memberikan manfaat kepada seramai 2,206 orang usahawan termasuk golongan B40.

(v) Tabung Usahawan Tani (TUT)

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk golongan miskin untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan Program Usahawan Tani Muda sebanyak RM750,000.00 dan sehingga Jun 2018, sebanyak RM658,000.00 telah diagihkan kepada 122 orang belia yang terdiri daripada golongan B40 untuk menikmati kemudahan kredit ini.

(vi) *Penang Career Assistance and Talent Centre*

Kerajaan Negeri melalui Pusat *Penang Career Assistance and Talent Centre* (CAT) menjalankan pemadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja termasuk rakyat miskin berdasarkan penawaran oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga 22 Oktober 2018, seramai 10,551 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,445 pemadanan jawatan telah dijalankan untuk 289 buah syarikat.

(vii) Program Meister Malaysia

Dalam membantu rakyat miskin mendapat peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri melalui *Penang Skills Development Centre* (PSDC) telah memperkenalkan Program Meister Malaysia bagi meningkatkan bakat dalam bidang teknikal dan vokasional selari dengan perkembangan Industri 4.0. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM6 juta untuk Program Meister Malaysia. Peserta yang terpilih akan menjalani latihan peningkatan kemahiran dan pada masa yang sama bekerja di kilang untuk memperoleh kemahiran pekerjaan yang sebenar. Para peserta program ini tidak perlu membayar yuran pengajian kerana telah dibiayai Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama menerima gaji daripada syarikat tersebut. Manakala, bagi Program Meister Malaysia, Kerajaan Negeri telah membiayai 162 orang termasuk golongan B40 bagi meningkatkan bakat mereka dalam bidang teknikal dan vokasional selari dengan perkembangan Industri 4.0 ini.

(viii) Meningkatkan Pelaburan

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan penambahan pelaburan baru dan pelaburan semula di Pulau Pinang yang akan mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Pada tahun 2017, Pulau Pinang mencatatkan rekod pelaburan asing (FDI) tertinggi dalam bidang pembuatan antara negeri-negeri di Malaysia, dengan nilai FDI RM8.5 bilion. Bagi jumlah pelaburan (pelaburan asing dan pelaburan domestik) pula, Pulau Pinang mencatatkan rekod sebagai negeri dengan jumlah pelaburan kedua tertinggi dalam bidang pembuatan, dengan nilai RM10.8 bilion. Jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan sejak 2017 hingga Mac 2018 adalah sebanyak 14,549. Kadar pengangguran di Pulau Pinang kekal stabil pada 2.1%, kedua terendah antara negeri-negeri di Malaysia.

(ix) Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (*high value jobs*) seperti *advanced manufacturing* dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan. Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baharu yang diperkenalkan.

(b) Antara cabaran dalam usaha-usaha untuk menangani masalah yang dihadapi oleh golongan B40 adalah seperti berikut:

(i) Masalah isu sosial yang timbul di kawasan-kawasan setinggan dan Program Perumahan Rakyat (PPR) serta usaha mengubah mentaliti golongan tersebut untuk lebih berdikari;

- (ii) Mendapatkan kerjasama yang jitu antara agensi berkaitan bagi menangani masalah golongan B40;
- (iii) Kelayakan akademik golongan B40 yang tidak memenuhi kehendak pasaran semasa yang menyukarkan usaha-usaha untuk memadankan pekerjaan kepada golongan B40;
- (iv) Untuk membina Perumahan Kos Rendah yang mencukupi dan mampu milik untuk kesejahteraan golongan B40; dan
- (v) Sektor perkilangan yang banyak membuka peluang pekerjaan kepada pekerja asing.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melebarkan Jalan Negeri antara Simpang Tiga ke Pekan Sungai Acheh dan Jalan Permatang Keling ke Pekan Sungai Bakau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melebarkan Jalan Negeri antara Simpang Tiga ke Pekan Sungai Acheh dan Jalan Permatang Keling ke Pekan Sungai Bakau. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengadakan lawatan tapak pada 9 Oktober 2018 bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh dan jabatan-jabatan lain seperti pejabat daerah dan tanah (PDT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan semua syarikat utiliti yang terlibat.

Anggaran kos projek bagi kedua-dua lokasi ini sedang diteliti oleh pihak JKR dengan kerjasama jabatan-jabatan berkaitan. Permohonan akan dikemukakan di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri semasa penyediaan Bajet 2020 kelak. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan keutamaan projek-projek JKR.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Kerajaan Negeri telah mewartakan undang-undang zon larangan merokok sejak sekian lama.
- (a) Nyatakan implikasi yang dikenakan ke atas individu yang melanggar peraturan tersebut.
 - (b) Kementerian akan menguatkuasakan larangan merokok di seluruh restoran dan premis makanan bermula 1 Januari ini. Apakah peranan yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memantapkan agenda berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. (a) Bagi individu yang melanggar peraturan iaitu merokok di kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok, pesalah boleh dikenakan kompaun sebanyak RM250 bagi setiap kesalahan. Kegagalan menjelaskan kompaun tersebut boleh menyebabkan individu dikenakan tindakan mahkamah. Jika disabit kesalahan, denda tidak melebihi daripada RM10,000.00 boleh dikenakan.
- (b) Mulai 1 Januari 2019, Kementerian Kesihatan telah mengisytiharkan restoran dan premis makanan di seluruh negara sebagai kawasan larangan merokok. Kerajaan Negeri menyokong penuh usaha ini dan selaras dengan hasrat ini, Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dengan pihak Kementerian dalam memastikan perintah larangan merokok dikuatkuasakan di seluruh restoran dan premis makanan bermula 1 Januari 2019. Dalam memantapkan agenda ini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mendapatkan penurunan kuasa daripada pihak

Kementerian agar PBT juga boleh mengambil tindakan kompaun terhadap individu yang melakukan kesalahan di bawah perintah ini.

- (c) Malaysia telah menjadi Negara Ahli atau Parti kepada World Health Organization Framework Convention On Tobacco Control (WHO FCTC) semenjak 15 Disember 2005 dan mempunyai tanggung jawab untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian antarabangsa ini. Artikel 8, WHO FCTC yang bertajuk 'Perlindungan Daripada Pendedahan Kepada Asap Tembakau' menegaskan Negara Parti memperakui bahawa bukti-bukti saintifik telah mengesahkan asap tembakau boleh menyebabkan kematian, penyakit dan kecacatan atau ketidakupayaan. Negara Parti juga dikehendaki melaksanakan langkah-langkah yang berkesan bagi mengadakan perlindungan daripada pendedahan kepada asap tembakau di tempat kerja dalam bangunan, pengangkutan awam, tempat-tempat awam dalam bangunan dan tempat awam yang lain dengan sewajarnya.

Demi melindungi hak masyarakat daripada kesan perokok pasif, Pulau Pinang telah mengambil inisiatifewartakan enam kawasan sebagai Zon Bebas Asap Rokok bertepatan dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia di bawah Article 8, Framework Convention on Tobacco Control. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti enam kawasan rekreasi untuk diwartakan sebagai Zon Bebas Asap Rokok iaitu Taman Perbandaran, Jalan Utama; Botanical Garden, Jalan Air Terjun; Empangan Air Itam; Empangan Telok Bahang; Taman Bandar Ampang Jajar dan Empangan Mengkuang, Berapit.

Manakala bagi kawasan melibatkan kependudukan dan aktiviti komersial, pelaksanaan akan dijalankan melalui tiga fasa iaitu fasa pertama di Tapak Warisan Dunia George Town, fasa kedua kawasan lain yang akan dikenalpasti di zon Pulau dan fasa ketiga di Seberang Perai

Implikasi daripada pengabaian undang-undang ini boleh mengakibatkan jika disabitkan dengan kesalahan, perokok boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Peranan Kerajaan Negeri

Memperkasakan Jawatankuasa Teknikal Negeri di bawah inisiatif PENBAR dan Tapak Warisan Dunia Georgetown melalui integrasi diantara pelbagai Jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam menangani pelbagai isu yang timbul pada masa kini dan akan datang.

Menambahbaik dan memperbanyakkan prasarana berupa tanda amaran larangan merokok di kawasan pewartaan supaya masyarakat dan pelancong dapat menyedari kewujudannya. Penyediaan tong sampah baru dan mengubahsuaui tong sampah sedia ada tanpa tempat membuang abu rokok oleh pihak MBPP

Memperkukuhkan didikan awal kanak-kanak supaya dapat mewujudkan sikap berdaya tahan dan disiplin daripada pengaruh aktiviti merokok di peringkat awal hingga menjadi dewasa. Pelajar terbabit perlu disedarkan bahawa amalan merokok akan memudaratkan kesihatan diri mereka. Pelajar yang terdedah kepada pengetahuan akan bahaya rokok akan mengelakkan diri daripada merokok dan perokok.

Menaikkan kadar lesen premis yang menjual rokok di dalam kawasan PENBAR dan Tapak Warisan Dunia Georgetown oleh MBPP supaya tidak menggalakan penjualan rokok secara berleluasa dan mudah didapati.

Membantu mempromosikan Klinik Berhenti Merokok yang disediakan oleh KKM di Negeri Pulau Pinang untuk membantu perokok mengurangkan tabiat merokok dan seterusnya berjaya berhenti merokok.

Memperbanyak Penglibatan NGO daripada aspek khidmat kaunseling dan menganjurkan Sesi Sokongan Berhenti Merokok kepada perokok.

Membantu dalam mempromosikan kepada pengusaha restoran, kedai makan, hotel dan pusat jagaan tentang 'premis bebas asap rokok' bagi menjayakan Program Blue Ribbon yang dianjurkan oleh KKM.

Menganjurkan dialog bersama-sama wakil-wakil restoran, kedai makan untuk mewar-warkan tentang peraturan baru ini.

Penyataan kawasan larangan dalam pamflet dan majalah pelancongan. Membuat pemetaan kawasan PENBAR di dalam peta pelancongan.

Memasukkan inisiatif PENBAR dan Tapak Warisan Dunia George Town ini sebaris dengan inisiatif "Go Green" kerajaan negeri.

Bagi aktiviti penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) sehingga September 2018, sebanyak 111 notis kesalahan di bawah Peraturan 22(2) telah dikeluarkan iaitu kesalahan merokok di kawasan PENBAR dan Tapak Warisan Dunia George Town yang telah diwartakan oleh Menteri sebagai kawasan larangan merokok.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Adakah Kerajaan Tempatan kita bersedia untuk menerima dan menguatkuasakan garis panduan aksesibiliti sejagat yang akan dibentangkan oleh Penang Accessibility Action Group (PAAG) pada masa terdekat, dalam kelulusan pelan-pelan infrastruktur dan bangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Pada masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang menggunakan senarai semak yang telah disediakan oleh *Penang Accessibility Action Group* (PAAG) untuk semua kelulusan pelan-pelan infrastruktur dan bangunan. Senarai semak ini mempunyai pelbagai kategori yang perlu dipatuhi antaranya ialah kategori tempat letak kereta, pencahayaan, pintu utama bangunan, tandas dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, PBT secara dasar bersetuju untuk menggunakan Garis Panduan Aksesibiliti Sejagat yang akan dibentangkan oleh PAAG dalam kelulusan pelan-pelan infrastruktur dan bangunan. Garis panduan ini perlulah berpandukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 dan MS1184 (*Universal Design-UD & Accessibility*) serta perlu dibentangkan terlebih dahulu dalam Majlis Penuh kedua-dua PBT untuk kelulusan sebelum dikuatkuasakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Pada 19 Oktober 2018, runtuh tanah di Bukit Kukus (BK) telah menyebabkan 9 mangsa terkorban dan 4 cedera.
- (a) Adakah siasatan awal Kerajaan Negeri mendapati wujud elemen penyelewengan dalam proses pemberian tender dan prosedur pelaksanaan projek LBBK?
- (b) Jika 'ya', apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri dan jika 'tidak', mengapakah tragedi ini berlaku?

Y.A.B. Ketua Menteri:

43. (a) Proses tawaran dan pemberian tender telah dibuat secara tender terbuka dan telah mematuhi segala prosedur kewangan yang ditetapkan. Kerajaan Negeri berpandangan tiada unsur-unsur penyelewengan dalam pemberian tender.
- (b) Pada ketika ini, pihak Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPPP) telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas untuk menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kejadian tanah runtuh dan seterusnya memberi cadangan penambahbaikan bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh

di masa hadapan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (DOSH) dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga telah menubuhkan jawatankuasa siasatan masing-masing berikutan kejadian ini.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Kemudahan Parkir Kepada Pengguna KTM: Kedudukan Stesen KTM Tasek Gelugor yang strategik menjadi penghubung kepada kawasan sekitarnya. Namun ia mengalami masalah kesesakan ekoran kekurangan tempat parkir kenderaan.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan dapat membantu menangani masalah ini dan menjadikan kedudukannya lebih efisien?
 - (b) Adakah Kerajaan bercadang membina parkir bertingkat di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. (a) Kerajaan Negeri sedar akan kekurangan tapak parkir kenderaan di Stesen Tasek Gelugor. Malah Kerajaan Negeri bersama Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah pun memaksimumkan penggunaan kawasan sedia ada bagi kemudahan parkir kenderaan. Sebagai alternatif kepada isu parkir, perkhidmatan bas oleh Rapid Penang telah disediakan untuk kemudahan dan keselesaan penumpang ke stesen-stesen KTMB seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk Stesen KTM Tasek Gelugor. Kerajaan Negeri amat berharap kemudahan ini dapat digunakan bagi masalah parkir.
- (b) Berdasarkan kepada kekangan kewangan dan ketersediaan ruang yang terhad di stesen KTM Tasek Gelugor, pada masa ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina kemudahan parkir bertingkat di kawasan berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas Rumah Pam di Taman Wira yang tidak berfungsi dan tidak diselenggarakan lebih daripada lima (5) tahun.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina/membaik pulih Rumah Pam tersebut yang memberi impak kepada kawasan sekeliling ketika berlakunya paras air meningkat dan taburan hujan berlebihan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Rumah Pam Taman Wira masih berfungsi dengan baik dan penyelenggaraan dilaksanakan secara berkala oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Berikut merupakan rekod tarikh kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan:

Bil	Tarikh	Perkara
1	12 Mei 2015	Kerja-kerja servis
2	15 Oktober 2015	Kerja-kerja servis
3	22 Januari 2016	Kerja-kerja servis
4	16 Jun 2016	Kerja-kerja servis
5	7 Mac 2017	Kerja-kerja servis
6	19 Julai 2017	Kerja-kerja servis
7	25 September 2017	Kerja-kerja servis
8	18 Julai 2018	Kerja-kerja servis

Walau bagaimanapun, pam sedia ada yang berkapasiti rendah tidak berupaya untuk menampung kapasiti air yang tinggi sekiranya berlaku hujan yang lebat. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengemukakan permohonan untuk cadangan menaiktaraf Rumah Pam Taman Wira kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dalam

mesyuarat Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir bertarikh 28 Jun 2018 dan permohonan tersebut masih dalam pertimbangan Jawatankuasa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Minta Kerajaan Negeri jelaskan sejauh manakah kelicinan pentadbiran JKKK di negeri Pulau Pinang setelah Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengumumkan pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung?

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi negeri di bawah pentadbiran Pakatan Harapan (PH) kini dikenali sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Kuasa dan urusan bagi pelantikan, pertukaran dan penamatan anggota MPKK yang baru ini kekal di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan pentadbiran di bawahnya. Namun demikian, dalam melaksanakan kuasanya, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan sebarang keputusan atau hal-hal lain berkenaan MPKK ini adalah selaras dengan tatacara pengurusan MPKK yang ditetapkan kementerian dan dasar kerajaan pusat. MPKK yang baru ini juga akan mempunyai 11 biro baharu termasuk Biro Pembangunan Prasarana, Keselamatan dan Kesihatan, Pengurusan Kewangan, Ekonomi dan Keusahawanan, Kesejahteraan dan Keceriaan, Pendidikan dan Inovasi, Pemantapan Spiritual, Kebajikan dan Kesukarelawan, Belia, Sukan dan NGO, Infostruktur dan Komunikasi dan akhir sekali ialah Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih menggunakan struktur yang sama namun bilangannya bertambah kepada 350 kawasan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Walau bagaimanapun, struktur ini akan diselaraskan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengikut syarat-syarat yang telah diputuskan oleh kementerian.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Adakah Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan membuat kajian struktur tanah dan kajian EIA bagi pembinaan jalan di Bukit Kukus?
 - (a) Mengapa projek ini melibatkan tiga (3) pihak dan huraikan konsep pelaksanaan serta pemilihan bagi tender ini.
 - (b) Mengapakah Kerajaan Negeri meneruskan projek walaupun terdapat masalah struktur tanah (Peroi) dan apakah tindakan untuk mengelakkan runtuhannya di masa depan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Bagi projek pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus), kerja penyiasatan tanah (*soil investigation*) telah dijalankan secara terperinci oleh Jurutera Perunding GEA (M) Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Manakala kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) tidak dibuat untuk projek ini setelah mendapat pengecualian daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JAS). Walau bagaimanapun, Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan* - EMP) serta Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan (*Erosion and Sediment Control Plan* - ESCP) telah disediakan bagi memastikan pembinaan jalan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

- (a) Projek pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus) ini merupakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Bukit Kukus sedia ada dan membina jalan sambungan baru dari Lebuhraya Thean Tek ke Lebuh Bukit Jambul. Jarak jalan yang dicadangkan bagi projek ini ialah sepanjang 5.0 km iaitu 800 meter dibina oleh pemaju Geo Valley Sdn. Bhd., 1.4 km oleh PLB Land Sdn. Bhd. manakala baki jalan dibina oleh MBPP. Penglibatan syarikat Geo Valley Sdn. Bhd. dan syarikat PLB Land Sdn. Bhd. dalam projek ini adalah berdasarkan

syarat-syarat pemajuan yang dikenakan ke atas kedua-dua pemaju. Untuk bahagian jalan yang dibina oleh MBPP pula, proses tender terbuka telah dijalankan bagi pelantikan kontraktor untuk projek tersebut. Secara terperinci, projek tersebut telah bermula pada 14 Januari 2016 dan dijangka siap pada awal tahun 2020 oleh kontraktor yang dilantik iaitu Syarikat Yuta Maju Sdn. Bhd.

- (b) Reka bentuk projek pembinaan jalan berkembar ini dibuat berdasarkan hasil kajian tanah dan ujian-ujian tanah yang telah dijalankan. Untuk makluman, tidak timbul isu masalah struktur tanah (peroi) seperti yang dinyatakan. Bahagian tanah yang runtuh adalah melibatkan cerun yang ditambun secara sementara sebagai laluan kenderaan kerja dan pelantar kerja (*working platform*). Walau bagaimanapun, punca tanah runtuh masih sedang dikaji.

Pada ketika ini, pihak Kerajaan Negeri dan MBPP telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas untuk menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kejadian tanah runtuh dan seterusnya memberi cadangan penambahbaikan bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh di masa hadapan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (DOSH) juga telah menubuhkan jawatankuasa siasatan tersendiri akibat kejadian ini. Begitu juga dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Pihak Berkuasa untuk memantau dan melindungi hutan bakau dalam negeri daripada pembersihan haram dan kerosakan selepas berlakunya pencerobohan kawasan besar hutan bakau di Juru, Bukit Tengah baru-baru ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Sebagai makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius mengenai pencerobohan tanah Kerajaan yang berlaku baru-baru ini di kawasan hutan bakau di Juru, Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah pada bulan Oktober 2018. Pencerobohan ini merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan amat dikesali. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang akan terus mempergiatkan aktiviti pemantauan secara berkala dan penguatkuasaan ke atas kawasan hutan bakau samada di kawasan Hutan Simpanan Kekal atau tanah Kerajaan di Negeri ini.

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan sumber tenaga manusia yang terhad sentiasa berusaha untuk memastikan keselamatan hutan paya bakau di Negeri ini sentiasa terjamin agar tidak diceroboh bagi tujuan mendapatkan kayu bakau atau penempatan secara haram. Sebagai langkah pro-aktif, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan pasukan risikan dan penguatkuasaan yang sentiasa peka terhadap sebarang aduan awam. Setiap aduan awam yang diterima akan segera dijalankan pemeriksaan di lapangan. Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah dibekalkan kemudahan kenderaan pacuan empat roda, dron dan sistem aplikasi '*Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus*' yang berupaya memantau perubahan sesuatu kawasan hutan di Negeri ini melalui imej satelit yang terkini. Sistem ini telah disediakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sentiasa tegas menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan sebarang penebangan pokok bakau, samada di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan. Jika disabitkan kesalahan di bawah seksyen 15, Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu larangan mengambil hasil hutan dari mana-mana hutan simpan kekal atau tanah Kerajaan, pelaku yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM500,000.00 dan penjara selama satu (1) hingga dua puluh (20) tahun.

Di samping itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan program kesedaran menyayangi hutan bakau secara intensif dengan penglibatan masyarakat tempatan sejak tahun 2008 hingga kini. Selepas kejadian tsunami pada Disember 2004, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai Negara, melalui peruntukan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang kini dikenali sebagai Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Bilangan pokok bakau dan spesies bersesuaian yang telah ditanam oleh badan bukan kerajaan (NGO), penduduk tempatan, para pelajar dan jabatan kerajaan lain di pesisiran pantai yang bersesuaian di Negeri ini melalui program kesedaran ini sejak tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak 137,443 pokok. Melalui program ini, tahap kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya bakau berjaya ditingkatkan dan seterusnya dapat membantu melindungi hutan bakau ini daripada dicerobohi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Perniagaan digital atau e-dagang amat popular masa kini.

- (a) Apakah langkah-langkah strategik Kerajaan Negeri dalam membantu dan menggalakkan generasi muda memulakan perniagaan dan kerjaya mereka, terutamanya dalam industri yang berasaskan digital atau e-dagang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. (a) Langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu dan menggalakkan generasi muda memulakan perniagaan dan kerjaya dalam industri berasaskan digital atau e-dagang adalah seperti berikut:

- (i) Menganjurkan kursus berkaitan perniagaan digital atau e-dagang untuk menyediakan usahawan mengenai keperluan asas penggunaan komputer atau telefon bimbit dalam menjalankan perniagaan *online*. Kursus yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ialah Pemasaran e-Commerce, Menjana Pendapatan Melalui Perniagaan Digital dan Sistem Perakaunan Bersepadu Perniagaan Kecil dan Mikro (IMBAS) yang mengajar cara penggunaan *Microsoft Excel* dalam menjalankan perniagaan;
- (ii) Melancarkan dana Kerajaan Negeri berjumlah RM4 juta yang dinamakan *Penang i4.0 Seed Fund* untuk merangsang pertumbuhan syarikat-syarikat baharu di Pulau Pinang dengan geran bernilai RM50,000.00 hingga RM250,000.00. Dana ini dikhaskan untuk usahawan *start-up* dalam bidang teknologi yang berada di tahap komersial. Tumpuan pembiayaan ini adalah dalam bidang *Internet of Things* (IoT), penggunaan digital, pembuatan berdaya maju dan aktiviti berasaskan teknologi dan terbuka kepada semua golongan usahawan termasuk generasi muda;
- (iii) Melancarkan projek @CAT Penang di tingkat 3 bangunan Wisma Yeap Chor Ee (WYCE) dengan menawarkan perkongsian ruang kerja (*co-working space*) untuk membantu usahawan *start-up* tempatan yang terlibat dalam bidang teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor IOT. Sehingga kini, lebih daripada 1,800 pas perkongsian ruang kerja telah diluluskan oleh @CAT Penang;
- (iv) Menganjurkan program khas keusahawanan termasuk bengkel pengekodan dan e-dagang yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan *digitalization* di samping membangunkan ekosistem *start-up* teknologi tempatan;

- (v) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti Malaysian Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC), Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MAGIC) dan Cradle Fund Sdn. Bhd. (CRADLE) dalam penganjuran program-program khas untuk usahawan dan bakal usahawan untuk mengetahui peluang pembiayaan dan pilihan strategi perniagaan masa kini seperti pembiayaan dan pelaburan, khidmat nasihat dan latihan dan pembiayaan kewangan inovatif;
- (vi) Bekerjasama dengan syarikat-syarikat global seperti 'Google' dan 'Ali Baba' dalam penganjuran acara komuniti teknologi yang bertujuan untuk mengemas kini *trend* teknologi dalam industri, membantu syarikat-syarikat *start-up* dan usahawan untuk memahami strategi perniagaan untuk mengembangkan perniagaan mereka di samping meningkatkan kerjaya pasaran; dan
- (vii) Menganjurkan program *Accelerator* secara berkala untuk mendedahkan syarikat-syarikat *start-up* mengenai topik-topik seperti kajian pasaran, asas dan modal dan dana perniagaan, strategi memasuki pasaran dan pembangunan produk, perkembangan teknologi digital serta meraih pengalaman padanan perniagaan dan membuat demonstrasi.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Tanah paya hanya meliputi 3% daripada permukaan tanah di bumi, tetapi ia mampu menyimpan 30% daripada keseluruhan karbon di tanah dan mengurangkan kesan pemanasan global.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri sedia jadikan tanah paya di persisiran pantai Penaga - Teluk Air Tawar sebagai hutan dilindungi, mengambil kira faktor terhadap alam sekitar tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. (a) Sebagai makluman Yang Berhormat, pada masa ini, tanah Kerajaan Negeri di sepanjang pesisir Pantai Pasir Gebu, Mukim 1 hingga Kuala Bekah, Mukim 4 Daerah Seberang Perai Utara (SPU) seluas 1,938,945 meter persegi atau 479.13 ekar telah diberi milik kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) pada 1 November 2013. Tapak ini telah dikenal pasti sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan akan diusahakan oleh 19 pengusaha yang berjaya dalam proses temuduga. Kawasan paya bakau ini telah digazetkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Zon Industri Akuakultur demi membangunkan projek akuakultur bagi menampung keperluan sumber makanan rakyat di Pulau Pinang. Permohonan perlingkungan semula kawasan tersebut daripada Zon Hutan (Paya Bakau) kepada Zon Pertanian (Akuakultur) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.6/2014 yang diadakan pada 30 April 2014 dan disahkan pada 26 Mei 2014. Namun begitu, pelaksanaan Projek Zon Industri Akuakultur berkenaan masih mengekalkan sebahagian kawasan hutan paya bakau di kawasan tersebut yang akan dipantau oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang komited untuk mengenalpasti dan seterusnya meningkatkan keluasan Hutan Simpan Kekal jenis hutan paya laut di Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa sebagai usaha melawan pemanasan global dan memelihara sumber biodiversiti. Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah mengenalpasti kawasan hutan paya bakau seluas 664 hektar dalam tanah Kerajaan di Negeri Pulau Pinang untuk diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal di lapan kawasan berikut:

- (i) Penaga seluas 200 hektar tidak termasuk kawasan ZIA Penaga;
- (ii) Air Hitam Dalam seluas 10 hektar;
- (iii) Sungai Perai seluas 100 hektar;

- (iv) Sungai Juru/Sungai Jawi seluas 150 hektar;
- (v) Sungai Kerian / Sungai Chenaam / Sungai Udang seluas 100 hektar;
- (vi) Pantai Aceh seluas 60 hektar;
- (vii) Balik Pulau seluas 40 hektar; dan
- (viii) Batu Maung seluas 4 hektar.

Pada peringkat ini, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bersama jabatan-jabatan berkepentingan sedang mengemaskini dan melaksanakan pemurnian pelan warta kawasan-kawasan tersebut untuk diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf servis terminal feri dengan adanya mod pengangkutan *cross channel* yang beraneka dengan feri baru, *Jetcat High Speed Craft* dan juga *Hovercraft*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Berdasarkan semakan melalui Rapid Penang, Kementerian Pengangkutan telah meluluskan *Port Privatization Plan* yang dikemukakan oleh *Penang Port Commission* (PPC) semasa proses pengambilalihan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang oleh Prasarana Malaysia Berhad. Cadangan yang diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan melalui pelan tersebut adalah untuk mengadakan *passenger vessel* yang mana jenisnya masih belum ditentukan. Walau bagaimanapun, sekiranya *high speed vessel* dipilih, ianya adalah tertakluk kepada had laju yang dikuat kuasa dalam kawasan *Port Limit* sahaja. Pengubahsuaian terminal akan dilakukan mengikut keperluan. Kerajaan Negeri tidak mencadangkan *hovercraft* kerana ia tidak sesuai diaplikasikan dengan infrastruktur sedia ada dan kos pengubahsuaian terminal bagi kegunaan *hovercraft* akan menelan belanja yang tinggi.

Melalui Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan perkhidmatan *water taxi*. Namun begitu, beberapa kajian kebolehlaksanaan perlu dibuat bagi mengenal pasti keperluan serta permintaan terhadap perkhidmatan ini sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Apakah status Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan objektif dan matlamat pelan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang merupakan sebuah pelan komprehensif Kerajaan Negeri untuk membangunkan pelancongan di seluruh negeri Pulau Pinang serta mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama. Pada masa ini, pelan ini masih dalam peringkat penyediaan dan dijangka siap pada tahun 2019. Pelan ini akan dihasilkan dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan supaya rancangan yang dihasilkan dapat memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat.
- (a) Matlamat pelan ini adalah untuk menetapkan hala tuju strategik pembangunan pelancongan Pulau Pinang bagi tempoh sehingga 2030. Objektif pelan ini adalah seperti berikut:
- (i) Menilai kedudukan Pulau Pinang dalam sektor pelancongan;
 - (ii) Menyelaras dasar-dasar pelancongan berdasarkan trend pembangunan pelancongan semasa;
 - (iii) Mengenal pasti halangan-halangan dalam pembangunan pelancongan berserta dengan cadangan penyelesaian;

- (iv) Merancang dan membangunkan kawasan-kawasan pelancongan yang bersesuaian berdasarkan bidang-bidang pelancongan; dan
- (v) Sebagai rujukan inventori bagi semua tarikan pelancong yang terdapat di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Memandangkan Penang Sentral, yang merupakan hab pengangkutan yang moden akan memulakan operasi tidak lama lagi, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjalankan kerja menaik taraf di Pengkalan Raja Tun Uda?

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Pengkalan Raja Tun Uda adalah di bawah tanggungjawab Rapid Ferry Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Rapid Ferry Sdn. Bhd. untuk memastikan perkhidmatan feri berjalan dengan lancar. Berdasarkan semakan dengan Rapid Ferry Sdn. Bhd. kerja-kerja penaiktarafan perlu dikaji dengan teliti bagi memastikan penaiktarafan pengkalan ini bersesuaian untuk digunakan oleh *vessel passenger* pada masa hadapan. Buat masa ini, kerja-kerja penaiktarafan yang dilakukan oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd. hanya melibatkan penggantian bumbung laluan pejalan kaki.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Senaraikan syarikat GLC yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri serta peruntukan tahunan yang diberikan sejak tahun 2016.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri membuat penstrukturan semula syarikat GLC agar fungsinya tidak bertindih dengan agensi Kerajaan Persekutuan?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri mengurus syarikat GLC dengan lebih cekap agar keberkesanan sumber kewangan diguna pada tahap optimum?

Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Terdapat 11 GLC di bawah Kerajaan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM87.2 juta sejak 2016 hingga September 2018. Jumlah peruntukan yang disalurkan ke semua GLC ini bertambah dari setiap tahun mulai 2016 hingga 2018. Senarai syarikat GLC dan peruntukan tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri akan diberikan selepas sesi soalan lisan.
- (a) Selaras dengan arus kemajuan dan juga perubahan pucuk pimpinan, Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan untuk membuat penstrukturan semula dan juga kajian ke atas peranan syarikat GLC ini agar tidak bertindih dengan agensi Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga akan berusaha untuk memperkasakan semua GLC ini agar dapat berdaya saing, mampu berdikari dan meningkatkan produktiviti agar menghasilkan pendapatan supaya agensi-agensi ini dapat memberi perkhidmatan mengikut matlamat dan fungsi masing-masing.
 - (b) Usaha Kerajaan Negeri dalam mengurus syarikat GLC dengan lebih cekap lagi antara lain adalah dengan menawarkan posisi Ketua Pegawai Eksekutif dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada mereka yang profesional dalam bidang perniagaan dan pengurusan untuk memimpin syarikat berkenaan. Malah YAB Perdana Menteri juga telah memberi cadangan agar Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua GLC dalam kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak terdiri dari ahli politik dan tidak akan lagi diberikan gaji yang tinggi. Sebaliknya, bayaran yang bersesuaian akan dipertimbangkan dan bayaran bonus berdasarkan pencapaian prestasi kewangan syarikat berkenaan. Di bawah sistem pengurusan yang berdaya usaha ini bukan sahaja mampu menjadikan GLC lebih kompetitif malah dapat membantu meningkatkan pendapatan negara dan negeri secara menyeluruh

Ahli Kawasan Batu Ubang (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Tanah kerajaan di Sungai Dua (Airmas).
- (a) Apakah rancangan kerajaan di tanah tersebut?
 - (b) Adakah pusat penjaja atau pasar awam akan dibina di tanah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Tanah yang dimaksudkan adalah tanah kerajaan di atas Lot 9117, Mukim.13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

- (a) Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk membina sebuah Dewan Serba Guna dengan kemudahan tadika dan pusat penjaja di atas tanah tersebut. Projek ini akan dimajukan oleh Syarikat Hamna Sdn. Bhd. berdasarkan perjanjian penswastan yang telah ditandatangani bersama oleh pihak syarikat dengan Kerajaan Negeri pada 31 Julai 1991.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini telah terhenti kerana pemaju gagal memenuhi obligasi sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian dan notis penamatan perjanjian dikeluarkan pada 11 Februari 2015.

Susulan daripada penamatan perjanjian tersebut, Syarikat Hamna Sdn. Bhd. telah menjalankan satu prosiding timbang tara terhadap Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beberapa sesi prosiding timbang tara yang telah diadakan telah melibatkan penimbang tara, pemaju (*claimant*), peguam pemaju, Kerajaan Negeri (responden) dan peguam Kerajaan Negeri serta Penasihat Undang-Undang Negeri.

Berdasarkan Keputusan Akhir (*Final Award*) yang telah dibuat dan dikeluarkan oleh Penimbang Tara (*Arbitrator*), notis penamatan bertarikh 11 Februari 2015 yang dikeluarkan kepada pihak pemaju adalah tidak sah dan didapati menyalahi undang-undang. Sehubungan itu, pemaju perlu meneruskan pembangunan dewan serbaguna dengan kemudahan tadika dan pusat penjaja di atas tanah sepertimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Penswastan sebelum ini.

- (b) Kerajaan Negeri masih lagi dalam rundingan dengan pihak pemaju berhubung perancangan pelaksanaan projek pembangunan di atas tanah tersebut.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Sila nyatakan kos keseluruhan pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah serta huraikan:-

- (a) Kos operasi dan penyelenggaraan bulanan sejak 2 Mac 2014.
- (b) Jumlah kenderaan mengikut kategori dan kutipan tol bulanan sejak 2 Mac 2014.
- (c) Adakah JKSB bercadang mengurangkan kadar tol?

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Kos keseluruhan bagi pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (JSAHMS) adalah berjumlah RM4.5 billion manakala kos pengambilan tanah yang terlibat adalah RM189 juta.

- (a) Kos operasi dan penyelenggaraan tahunan, serta purata kos operasi bulanan bagi JSAHMS sejak tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Kos Operasi & Penyelenggaraan (Rm)	Jumlah Purata Kos Operasi Bulanan (Rm)
2014	62,234,018.50	5,186,168.21
2015	126,363,912.35	10,530,326.03
2016	110,978,171.62	9,248,180.97
2017	121,146,977.23	10,095,581.44
2018 (Jan-Okt)	107,066,350.48	10,706,635.04

- (b) Sejumlah **7,120,604 buah kenderaan** telah menggunakan JSAHMS sejak **1 April 2014 sehingga 30 September 2018**. Lampiran bagi perincian jumlah kenderaan mengikut kategori kelas kenderaan akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi lisan tamat.

Manakala jumlah kutipan tol bulanan JSAHMS sejak tol mula dikenakan pada **1 April 2014 sehingga 30 September 2018** adalah sebanyak **RM142,518,580.46**. Lampiran bagi perincian kutipan tol pada setiap tahun bermula dari 2014 sehingga September 2018 juga akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi lisan tamat.

- (c) Kerajaan Persekutuan melalui Ucapan Belanjawan 2018 oleh Menteri Kewangan pada 2 November 2018 telah mengumumkan pemansuhan tol motosikal (Kelas 0) di JSAHMS dan Jambatan Pulau Pinang, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Buat masa ini, tiada perubahan terhadap kadar tol ke atas kenderaan selain motosikal (Kelas I-5) di JSAHMS, di mana kadar kutipan tol yang dilaksanakan adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi.

RUJUK LAMPIRAN A DAN B (GCA)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Apakah kesan yang Kerajaan Negeri tanggung sebaik sahaja GST dimansuhkan dan ketika SST dilaksanakan?

- (a) Bagaimanakah impak kewangan yang dirasakan oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. *Sales and Service Tax (SST)* merupakan cukai seperingkat ataupun *single - stage tax* yang secara amnya dikenakan ke atas pengilang dan bukannya pengguna. Sebaliknya, *Goods and Services Tax (GST)* adalah cukai pelbagai peringkat ataupun *multi - stage tax* yang terpaksa dibayar dan dikutip pada setiap peringkat rantaian bekalan atau *supply chain*. Segala kutipan SST adalah hasil bagi Kerajaan Persekutuan.

Melalui pelaksanaan SST, Kerajaan Negeri boleh memohon pengecualian cukai jualan (*sales tax*) seperti yang termaktub di dalam Akta Cukai Jualan 2018, di mana semasa pelaksanaan GST tiada sebarang pengecualian cukai diberi kepada Kerajaan Negeri.

Sehubungan dengan itu, sekiranya Kerajaan Negeri diberi pelepasan cukai ini maka dari segi impak kewangan Kerajaan Negeri akan dapat menjimatkan perbelanjaan dan mempunyai lebih tunai yang dapat disalurkan kepada pelbagai projek tambahan untuk faedah dan kesejahteraan rakyat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Terdapat rungutan dari peniaga di kawasan Bertam di mana penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga asing terutama Pattani yang beroperasi tanpa lesen atau menggunakan lesen penduduk tempatan secara 'Ali Baba'.

(a) Apakah tindakan pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Antara tindakan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengatasi isu peniaga warganegara asing yang beroperasi tanpa lesen atau menggunakan lesen penduduk tempatan adalah seperti berikut :-

(i) Menjalankan operasi penguatkuasaan bersama jabatan / agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kesihatan Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Operasi bersepadu ini telah dilakukan di Pekan Bukit Mertajam.

(ii) Menetapkan syarat pelesenan premis iaitu premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30% warganegara tempatan sepanjang masa operasi perniagaan.

(iii) Membatalkan lesen perniagaan yang telah disalah guna atau disewakan atau tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan bagi perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing.

(iv) Mengadakan tindakan rampasan bagi aktiviti penjajaan yang dijalankan oleh warga asing

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Apakah keunikan sektor pelancongan yang dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri di Seberang Perai Selatan?

(a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membangunkan sektor pelancongan di Seberang Perai Selatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Keunikan sektor pelancongan yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri di Seberang Perai Selatan adalah pelancongan berkonsepkan eko, agro dan membeli-belah (*shopping*) dengan tarikan seperti Taman Negeri Bukit Panchor, hutan paya laut, Homestay Sungai Chenaam, Homestay Sungai Duri, Homestay Sungai Setar, Jeti Kelip-Kelip Sungai Nibong, Pulau Aman dan *Design Village* di Batu Kawan.

(a) Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan sektor pelancongan di Seberang Perai Selatan melalui tindakan-tindakan berikut:-

(i) Menggiatkan promosi pelancongan Seberang Perai Selatan melalui penyertaan Kerajaan Negeri dalam pameran pelancongan dan pameran perdagangan. Di samping itu, destinasi pelancongan tersebut juga diterbitkan dalam bentuk risalah, peta dan dokumentari untuk edaran umum;

(ii) Memberi tumpuan kepada pelancongan eko dan aktiviti *birdwatching* di Taman Negeri Bukit Panchor yang mempunyai flora dan fauna yang terpelihara. Bagi memastikan kemudahan di Taman Negeri Bukit Panchor sentiasa dalam keadaan baik, Jabatan Perhutanan memperuntukkan sejumlah RM790,000.00 bagi tahun 2016 hingga 2018. Selain itu, risalah *Birdwatching in Penang* juga telah diterbitkan bagi meningkatkan minat kepada aktiviti ini;

- (iii) Memberi fokus kepada aktiviti pelancongan berasaskan *Community Based Tourism (CBT)* khususnya melalui program Homestay. Di samping penginapan, pengusaha Homestay dapat memberikan perkhidmatan tambahan kepada pelancong melalui aktiviti jejak kampung, masakan tradisional, lawatan ke sawah padi, lawatan ke kolam udang, penangkapan ketam di jeti nelayan dan permainan tradisional;
- (iv) Menaiktaraf kemudahan rekreasi kepada pengunjung seperti menyediakan pondok rehat, pusat penerangan, tandas, bilik air, kantin, tempat letak kenderaan, tapak perkhemahan dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan ini akan membantu menambahkan keselesaan pelancong;
- (v) Memajukan Pulau Aman sebagai destinasi makanan laut (*seafood paradise*) di mana pelancong dapat menikmati hasil laut yang segar dan juga berpeluang memilih ikan, udang dan ketam serta hasil laut yang lain untuk dimasak. Fiesta Pulau Aman untuk tahun depan juga telah dimasukkan dalam kalendar Pulau Pinang untuk mempromosikan Pulau Aman; dan
- (vi) Bekerjasama dengan pihak swasta untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam bidang pelancongan dan menambahkan produk pelancongan. Sebagai contoh, bandar Batu Kawan telah dibangunkan sebagai pusat membeli-belah dengan tarikan seperti *Design Village* dan yang akan datang, pusat kelengkapan rumah IKEA.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Isu perumahan untuk golongan pendapatan rendah.

- (a) Bagaimanakah langkah terkini Kerajaan Negeri untuk pembinaan perumahan jenis ini termasuk dengan kerjasama Kerajaan Pusat dan tindakan untuk mengurangkan kos rumah kerana ketiadaan GST?

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Penyediaan perumahan yang mencukupi dan selesa bagi golongan berpendapatan rendah sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan Negeri. Atas alasan ini, Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah/Sederhana Rendah masih dikuatkuasakan di mana setiap pemajuan yang menyediakan 99 unit kediaman atau lebih di kawasan bandar dan 149 unit kediaman atau lebih di kawasan luar bandar akan dikenakan syarat membina sebanyak 30% Rumah Mampu Milik (RMM) jenis 'A' (harga maksima RM42,000.00) atau 'B' (harga maksima RM72,500.00) atau kombinasi keduanya. Dasar ini akan terus dilaksanakan supaya keperluan perumahan bagi kelompok B40 sentiasa dapat dipenuhi.

Pada dasarnya, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2015 dilihat tidak memberi kesan kepada harga asas unit-unit kediaman kategori ini yang kekal dijual pada harga kawalan. Namun demikian, memandangkan GST terpakai terhadap bahan binaan, maka sememangnya ia ada impak terhadap harga rumah yang mana harganya tidak terkawal. Dengan penggantian GST dengan SST, memandangkan SST tidak terpakai terhadap bahan pembinaan, maka adalah dijangkakan harga perumahan terutamanya yang mana harganya tidak terkawal akan turun. REHDA Malaysia juga telah memberi komitmen ini akan berlaku.

Meskipun begitu, langkah membantu golongan berpendapatan rendah akan tetap diteruskan melalui usaha membekalkan unit-unit RMM 'A' dan 'B' yang mencukupi selain menjalin kerjasama dengan institusi kewangan awam dan komersil dalam mengatasi masalah penolakan permohonan pinjaman.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga berusaha mendapatkan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membangunkan lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang. Sejak tahun 2017, Kerajaan Negeri setakat

ini telah mencadangkan tiga lot tanah di kawasan Jelutong yang dilihat berpotensi untuk dijadikan tapak PPR. Usaha ini telah menunjukkan perkembangan yang positif susulan perubahan tampuk kepimpinan Kerajaan Persekutuan selepas pilihanraya umum yang lalu. Rombongan unit teknikal daripada KPKT telah hadir ke Pulau Pinang pada 29 Jun 2018 bagi membuat penilaian kesesuaian tapak-tapak yang dicadangkan iaitu Lot 10042, 10043 dan sebahagian Petak A di Seksyen 1, Bandar Jelutong di bawah KADUN Sungai Pinang. Cadangan awal ini dikemukakan setelah mengambil kira jumlah pemohon dalam 'senarai menunggu' yang tinggi di Daerah Timur Laut.

Selain itu, Kerajaan Negeri semasa Mesyuarat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama EXCO-EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Oktober 2018 yang lalu telah menyerahkan kepada KPKT cadangan beberapa lagi tapak yang berpotensi untuk pembangunan PPR di lain-lain Daerah dan KADUN seperti berikut:

Bil.	Lot	Luas	Daerah	KADUN	Pemilik
1.	Berhampiran Lot 8471, Mukim 12, Bayan Baru	7.82	Barat Daya	Batu Maung	Kerajaan Negeri
2.	705, Mukim 6, Balik Pulau	4.83	Barat Daya	Pulau Betong	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
3.	PT 724, Seksyen 4, Ujong Batu, Butterworth	4.32	Seberang Perai Utara	Bagan Dalam	Perbadanan Ketua Menteri
4.	1061 hingga 1065	7.65	Seberang Perai Tengah	Machang Bubuk	Kerajaan Negeri
5.	1072 hingga 1078	9.70	Seberang Perai Tengah	Machang Bubuk	Kerajaan Negeri
6.	1084 hingga 1088, Mukim 14 Kampung Tongkang	7.46	Seberang Perai Tengah	Machang Bubuk	Kerajaan Negeri
7.	20843 & 20842, Mukim 13, Batu Kawan	3.43	Seberang Perai Selatan	Bukit Tambun	Kerajaan Negeri

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Pemasangan paip PBA baru menggantikan paip lama melalui tanah lot Kg Guar Perahu MK20 MK21 berdekatan Sekolah Agama DMW2.
- Bolehkah pemasangan paip baru menggantikan paip lama (4") yang melalui tanah lot dicadangkan melalui Rezab Jalan sedia ada?
 - Kenapakah paip lama berkarat tidak diganti atau dibaikpulih?
 - Adakah air dirawat dengan baik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. (a) Paip sedia ada di kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah berukuran 50mm jenis *High Density Polyethylene* (HDPE). Berdasarkan rekod Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) tiada kes kebocoran yang ketara bagi paip air di kawasan berkenaan. Oleh itu, tiada keperluan untuk penggantian paip sedia ada buat masa ini.

- (b) Paip sedia ada jenis HDPE yang dinyatakan tersebut juga tidak boleh berkarat memandangkan bahan pembuatannya dari plastik. Berdasarkan rekod tiada laporan berkaitan dengan masalah kualiti air yang diterima oleh PBAPP.
- (c) Air yang dirawat di loji-loji air yang dikendalikan adalah tertakluk kepada Piawaian Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan (*National Standard For Drinking Water Quality*, 2004) yang dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 62. Dari Puspakom ke KKTMM terdapat selekoh yang amat berbahaya, selepas Sekolah Yang Cheng. Selalu kemalangan terjadi di situ. Mohon tindakan segera diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 62. Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan bagi mengurangkan kadar kemalangan di kawasan tersebut dengan menjalankan *Road Safety Audit* pada tahun 2018 oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) negeri Pulau Pinang. Hasil daripada *Road Safety Audit* yang dijalankan itu, JKR telah memasang papan tanda selekoh berbahaya untuk memberi peringatan agar pemandu tidak memandu terlalu laju dan menaik taraf bagi pelebaran jalan berdekatan dengan kawasan tersebut.

Selain itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengemukakan permohonan peruntukan membaiki jalan dan tambahan perabot jalan seperti *Guard Rail* jalan bagi program Penyelenggaraan Berkala Tahun 2019 kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 3 Oktober 2018.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 63. Pulau Pinang kemungkinan telah dijadikan hub transit/makmal pemprosesan dadah.
 - (a) Apakah tindakan bersepadu yang akan diambil oleh semua pihak untuk membanteras gejala ini? Huraikan.
 - (b) Rakyat risau dengan cadangan pemansuhan hukuman mati akan mengakibatkan kegiatan dadah dan jenayah serius lebih berleluasa. Apakah hukuman/akta yang lebih ketat akan digubal untuk menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 63. (a) Antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) di bawah PDRM dan pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk membendung ancaman dadah adalah seperti berikut:-
 - (i) Melancarkan operasi-operasi secara berterusan bagi membenteras ancaman dadah;
 - (ii) Menyedarkan masyarakat tentang akibat penyalahgunaan dadah melalui tindakan kesedaran seperti pameran dan ceramah;
 - (iii) Melancarkan Ops Bersepadu dari semasa ke semasa dengan lain lain Jabatan atau Agensi dalam membenteras pengedaran dadah;
 - (iv) Program pendidikan pencegahan dadah (Bagi generasi yang masih belum terjebak) termasuk di sekolah rendah, sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT);
 - (v) Program Pendidikan Pencegahan Dadah di peringkat Komuniti; dan
 - (vi) Program Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti (bagi generasi yang telah terjebak namun fokus kepada klien AADK).

- (b) Pada masa kini, pemansuhan hukuman mati bagi kes dadah masih dalam perbincangan. Kerajaan mempunyai cadangan untuk menjatuhkan hukuman penjara sehingga 30 tahun di mana ianya lebih baik dan dapat memberi pilihan kepada Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman kepada pesalah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Apakah cadangan Kerajaan Negeri dalam usaha mengaktifkan semula bangunan-bangunan lama di kawasan bandar terutamanya bangunan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Selaras dengan pengiktirafan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008, permintaan terhadap hartanah di kawasan Tapak Warisan Dunia George Town telah meningkat. Perkara ini secara tidak langsung mengaktifkan semula bangunan-bangunan lama milik persendirian dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di kawasan tersebut.

Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui MBPP untuk mengaktifkan semula bangunan-bangunan lama milik MBPP di kawasan Tapak Warisan Dunia George Town adalah seperti berikut:

- (a) Menaiktaraf bangunan-bangunan lama dengan menggunakan peruntukan MBPP ataupun secara usahasama dengan mana-mana syarikat atau perbadanan. Sebagai contoh rumah kedai milik MBPP di Lebuhr Kimberley telah dinaiktaraf oleh MBPP sendiri manakala premis MBPP di 126 & 128, Lebuhr Armenian telah dinaik taraf dengan kerjasama George Town Conservation Development Corporation (GTCCDC).
- (b) Memberi perhatian serius dengan memantau serta mengambil tindakan terhadap bangunan-bangunan usang dan berbahaya di kawasan George Town dan sekitarnya.

Bagi bangunan-bangunan lama milik persendirian pula, tindakan yang dilakukan oleh MBPP bagi memastikan pemilik menjaga kebersihan dan keindahan bangunan adalah seperti berikut:

- (a) Mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Seksyen 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik untuk membersihkan sisa-sisa kebakaran, membaiki bangunan tersebut, mendirikan pagar keselamatan (*hoarding*) di kawasan bangunan yang boleh mengancam keselamatan, mengeluarkan pokok-pokok liar yang tumbuh di bangunan dan sebagainya.
- (b) Memudahkan permohonan pelan-pelan bangunan lama yang ingin dinaik taraf dan pemprosesan permohonan pelan-pelan bangunan supaya pertimbangan dan keputusan dapat disampaikan dengan lebih cepat. Ini juga membantu pemilik-pemilik bangunan untuk memulakan kerja-kerja pembaikan segera bagi mengelakkan bangunan-bangunan daripada terus rosak.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Adakah Kerajaan Tempatan kita bersedia untuk mengambil tindakan keras ke atas penjaja-penjaja dan binaan-binaan haram yang mungkin akan mengancam keselamatan rakyat jelata terutamanya apabila menghadapi bencana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya bersedia untuk mengambil tindakan tegas ke atas penjaja-penjaja dan binaan-binaan haram yang mungkin akan mengancam keselamatan rakyat jelata. PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan dan perobohan terhadap binaan struktur haram

di bawah seksyen 70 Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974. Bagi tindakan terhadap penjaja-penjaja haram pula, penguatkuasaan boleh diambil mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- (i) Mengeluarkan notis dan tawaran kompaun atas kesalahan menjalankan aktiviti penjajaan / perniagaan tanpa lesen, dan
- (ii) Merampas/menyita peralatan niaga ke atas gerai yang beroperasi tanpa lesen dan menimbulkan halangan serta kacau ganggu kepada masyarakat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Nyatakan jenis-jenis bantuan bencana yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri.
- (a) Sejauh manakah hasrat kerajaan untuk menaikkan sumbangan melalui Tabung TYT, contohnya kadar bantuan had maksima RM5,000 kepada RM10,000 untuk membantu mangsa bencana di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperuntukkan bantuan kepada mangsa bencana selaras dengan Dasar Bantuan Kerajaan Negeri yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Jenis-jenis bantuan ialah seperti berikut:-

- (i) Bantuan Serta Merta
Bantuan serta merta berupa makanan/minuman dan lain-lain keperluan asas seperti tikar, selimut, toto, bantal, tuala mandi dan lain-lain dibekalkan kepada setiap keluarga mangsa bencana alam. Kadar maksima bekalan makanan/minuman adalah RM15.00 sehari bagi seorang mangsa dan kadar maksima RM7.50 bagi setiap bungkusan makanan / minuman. Pemberian ini adalah tertakluk kepada keadaan keperluan mangsa-mangsa berkenaan.
- (ii) Bantuan Pemulihan
 - (a) Bantuan Sekolah
Bantuan menggantikan peralatan sekolah yang musnah sebanyak RM50.00 bagi seorang murid /pelajar. Bantuan pakaian seragam sekolah boleh dipertimbangkan sebanyak RM70.00 bagi seorang murid / pelajar.
Jumlah yang boleh diluluskan untuk seorang murid / pelajar tidak melebihi RM120.00.
 - (b) Bantuan Pakaian
Jumlah maksima RM70.00 bagi seorang yang terlibat.
 - (c) Bantuan Keluarga
Jumlah maksima RM40.00 bagi seorang yang terlibat.
 - (d) Bantuan Barang Keperluan
Jumlah maksima RM100.00 bagi satu keluarga.
 - (e) Bantuan Membaiki Rumah
Jumlah maksima sekaligus RM2,500.00 bagi satu keluarga.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui pejabat daerah dan tanah akan memberi bantuan melalui Tabung Bantuan Tuan Yang Terutama (T.Y.T.) Negeri Pulau Pinang. Bantuan dalam bentuk bayaran sugu hati ini disalurkan kepada mangsa kejadian bencana alam di Negeri Pulau Pinang dari semasa ke semasa dalam usaha untuk meringankan penderitaan mangsa-mangsa yang terlibat. Penyaluran bantuan adalah kepada semua jenis kejadian bencana iaitu kemarau, banjir, ribut taufan, tanah

runtuh, gempa bumi, tsunami, kebakaran dan termasuk apa-apa jua kejadian lain yang mendatangkan penderitaan kepada mangsa-mangsa yang terlibat secara persendirian ataupun secara kumpulan. Had maksima bagi nilai bantuan kepada mangsa-mangsa terlibat adalah sebanyak RM5,000.00 bagi satu-satu keluarga. Pegawai daerah boleh menyalurkan bantuan segera kepada mangsa-mangsa tidak melebihi RM1,000.00 bagi satu-satu keluarga manakala nilai bantuan yang melebihi RM1,000.00 akan diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang juga melalui perakuan pegawai daerah.

- (a) Kerajaan Negeri pada ketika ini tidak berhasrat untuk menaikkan sumbangan yang telah ditetapkan iaitu had maksima RM5,000.00 bagi nilai bantuan kepada mangsa-mangsa terlibat bagi satu-satu keluarga.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Peningkatan Ekonomi Nelayan Sungai: Pendapatan nelayan di perairan sungai Labuh Banting (Permatang Berangan) amat kecil sekiranya bergantung kepada penangkapan ikan semata-mata. Selain menangkap ikan, aktiviti pelancongan-agro seperti *river cruise* dan kampung trail boleh menjana pendapatan mereka.

- (a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memajukan ekonomi nelayan sungai ini melalui aktiviti-aktiviti tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan telah memberikan pelbagai jenis bantuan kepada nelayan di Sungai Labuh Banting. Untuk rekod, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengeluarkan lesen menangkap ikan kepada 91 orang nelayan sungai di negeri ini yang membolehkan mereka menerima elaun sara hidup pada setiap bulan sebanyak RM200/orang/bulan. Bantuan ini merupakan sebahagian usaha Kerajaan dalam menjaga kebajikan nelayan sungai di negeri ini.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan yang khusus bagi memajukan ekonomi nelayan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan membuat lawatan tapak dan mengkaji potensi kawasan tersebut sebagai salah satu destinasi eko pelancongan di Seberang Perai. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan giat melaksanakan program pelepasan benih ikan dan udang secara berkala pada setiap tahun dan memberikan kursus kemahiran seperti kursus membaiki enjin kepada golongan nelayan. Inisiatif-inisiatif ini merupakan sebahagian usaha Kerajaan dalam meningkatkan pendapatan nelayan sungai di negeri ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek/panjang bagi menyelenggarakan sistem perparitan di kawasan Kg. Bagan Belat dan Kelab Rekreasi TUDM, Butterworth?

- (a) Apakah jalan penyelesaian akan diambil oleh Kerajaan Negeri?
(b) Apakah kriteria yang diberikan oleh Kerajaan Negeri berkaitan sistem perparitan oleh pemaju perumahan sekiranya ingin memajukan projek perumahan di kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memantau dan menyelenggara sistem perparitan di Kawasan Kg. Bagan Belat. Sebagai langkah jangka masa pendek, sistem perparitan ini kerap dibersihkan bagi memastikan kelancaran saluran yang baik. Walau bagaimanapun, kedudukan sistem perparitan di Kg. Bagan Belat yang melalui tanah-tanah individu

menyukarkan kerja-kerja pembersihan dan terdapat struktur binaan tambahan oleh penduduk yang mengganggu aliran longkang sedia ada. Sebagai langkah jangka masa panjang, pihak JKR dengan penglibatan bersama PDTSPU dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini dalam perancangan untuk membina “*flap gate*” bagi memastikan aliran air tidak terganggu terutamanya pada waktu air pasang atau hujan lebat. Manakala bagi parit-parit di kawasan Kelab Rekreasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), ianya di bawah kawal selia pihak TUDM.

- (a) Sebagai langkah penyelesaian ke atas pembaikan kerosakan sistem perparitan ini, keperluan pembaikan akan ditentukan berdasarkan hasil pemantauan di tapak oleh pihak PDTSPU dan Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara (JKRSPU). Di samping itu, pihak KADUN boleh berhubung terus dengan pegawai di PDTSPU atau JKRSPU untuk memaklumkan keperluan pembaikan tersebut. Pelaksanaan kerja-kerja pembaikan yang akan dilaksanakan adalah tertakluk kepada penilaian teknikal dan kelulusan peruntukan. Bagi sistem perparitan di kawasan Bagan Belat di bawah bidang kuasa JKR, kerja-kerja pembaikan kerosakan telah dilaksanakan pada tahun 2017.
- (b) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mensyaratkan pemaju perumahan untuk mematuhi kriteria pembangunan berkaitan sistem perparitan di kawasan yang terlibat seperti berikut:
 - (i) Pemaju disyaratkan menyediakan kolam takungan berdasarkan kehendak-kehendak Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) di dalam pembangunan mereka bagi kawalan air larian di dalam tapak pembangunan sebelum dialirkan ke parit utama/sungai;
 - (ii) Pemaju disyaratkan mereka bentuk sistem perparitan dalam kawasan pembangunan berdasarkan kehendak-kehendak MSMA;
 - (iii) Tambunan tanah disyaratkan minima 2.13m atau lebih dengan memastikan paras selamat dari banjir bagi pembangunan baharu;
 - (iv) Pemaju dikehendaki mematuhi pelan kawalan hakisan dan kelodak tanah yang telah diluluskan di peringkat kerja tanah agar isu banjir lumpur tidak berlaku di tapak-tapak pembangunan baharu; dan
 - (v) Pemaju dikehendaki mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam takungan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Minta Kerajaan Negeri nyatakan jumlah kematian akibat bunuh diri yang berlaku dalam Negeri Pulau Pinang sejak 2008 hingga Jun 2018.

Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Bunuh diri adalah kelakuan spontan yang timbul apabila seseorang itu putus asa dan beranggapan kehidupan tidak lagi berguna. Bagi mereka, kematian adalah satu-satunya jalan penyelesaian dan dalam kebanyakan kes, ia berlaku akibat ketidakmampuan individu menghadapi tekanan kehidupan yang dialami.

Kebelakangan ini gejala bunuh diri banyak memenuhi dada akhbar di Malaysia malah ia seperti satu fenomena yang sudah biasa berlaku sama seperti kejadian bunuh diri di luar negara. Pungutan data Pusat Registri Bunuh Diri Kebangsaan Malaysia (NSRM-National Suicide Registry Malaysia) mendapati sekurang-kurangnya dua orang membunuh diri setiap hari dengan kadar purata 60 orang dalam sebulan.

Daripada data yang diperolehi dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes bunuh diri yang berlaku di negeri ini sejak tahun 2008 adalah sebanyak **752**

kesdimana 77 kes yang telah dilaporkan adalah bagi tahun ini sahaja. Berikut adalah butiran lengkap kes bunuh diri di negeri ini mengikut tahun sejak 2008.

Tahun	Jumlah
2008	61
2009	50
2010	60
2011	67
2012	51
2013	79
2014	80
2015	78
2016	94
2017	85
2018	77
JUMLAH	752

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Sila bentangkan kedudukan terkini Projek PIL1 dan LRT.
- Pembinaan pulau dengan kos yang tinggi akan menyebabkan harga rumah terlalu tinggi. Bagaimana Kerajaan Negeri mengatasi isu ini?
 - Pelaksanaan Projek PIL1, LRT, Terowong dan 3 Pulau akan menyebabkan berlakunya kerosakan kepada alam sekitar. Huraikan jika pernyataan ini tidak benar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Status pelaksanaan projek Bayan Lepas LRT dan Pan Island Link 1 (PIL 1) adalah seperti berikut:
- Projek Bayan Lepas *LRT*
 Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas *LRT* masih menunggu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan untuk *Environmental Impact Assessment (EIA - Jadual Kedua)* dan kelulusan Skim Rel. *EIA* telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Manakala bagi Skim Rel (*Rail Scheme*) pula, telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang kini dikenali sebagai Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada 29 Mac 2016. Pihak APAD sedang meneliti semula laporan tersebut dan telah memohon Kerajaan Negeri untuk mengkaji tapak cadangan depot LRT samada boleh ditempatkan di kawasan tanah yang sedia ada berbanding di kawasan pulau yang akan ditebusguna kelak. Pihak rakan pelaksana projek (PDP) sedang menyediakan kajian cadangan yang munasabah sebelum dibentangkan semula kepada APAD sebelum akhir November 2018.

(ii) Projek Lebuhraya PIL 1

Environmental Impact Assessment (EIA-Jadual Kedua) bagi PIL 1 telah dikemukakan kepada JAS untuk pertimbangan pada 7 Mei 2018. Lanjutan daripada itu, pihak JAS telah meminta Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu sesi *Town Hall* bersama orang awam di mana sesi tersebut telah dilaksanakan pada 20 September 2018 yang lalu. Kini, pihak perunding dalam proses penyediaan maklum balas terhadap ulasan-ulasan yang diterima sewaktu pameran awam EIA serta ulasan yang diperolehi daripada sesi *Town Hall*. EIA dijangka akan dikemukakan semula kepada pihak JAS sebelum akhir bulan Disember 2018.

- (a) Keseluruhan tanah tambakan sebanyak 4500 ekar akan dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Perancangan pembangunan ketiga-tiga pulau tersebut akan melibatkan kawasan perumahan termasuk rumah mampu milik, perniagaan, industri, kawasan lapang, sekolah, masjid, rumah ibadat bukan Islam, infrastruktur dan utiliti.

Setiap komposisi pembangunan yang dicadangkan mengambil kira hak setiap lapisan masyarakat termasuk yang berpendapatan sederhana terutamanya bagi kawasan-kawasan guna sama. Bagi permohonan perumahan awam bagi rakyat yang berpendapatan sederhana, harga adalah mengikut garis panduan penyediaan perumahan mampu milik Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga telah mensyaratkan 30% iaitu 114 434 unit perumahan awam di atas pembangunan tanah PSR bagi pembinaan perumahan awam.

- (b) Kerajaan Negeri tidak menafikan impak projek-projek tersebut kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun impak-impak ini dikaji secara terperinci semasa penyediaan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan langkah-langkah mitigasi yang sewajarnya telah digariskan. Kerajaan Negeri telah pun memberi komitmen untuk melaksanakan mitigasi-mitigasi yang dicadangkan bagi meminimumkan impak kepada alam sekitar.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin akan pembangunan yang mampan (*sustainable development*) supaya persekitaran tidak tergunat/ terancam.

Ahli Kwasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

71. Pembangunan Modal Insan amat penting dalam pembangunan sebuah negara.

- (a) Apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri dalam memantapkan lagi pembangunan modal insan ini?
- (b) Aspek apakah yang menjadi keutamaan dalam pembangunan modal insan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

71. (a) Pembangunan modal insan amat penting untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi, berkemahiran dan berpengetahuan, serta kreatif dan inovatif. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi merealisasikan hasrat tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah seperti berikut :

- (i) Melatih sumber manusia dalam pelbagai bidang kemahiran melalui Penang Skills Development Center (PSDC) bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Kerajaan Negeri juga telah membangunkan sistem pendidikan vokasional ala negara Jerman iaitu Malaysian Mesiter Program (MMP) di negeri Pulau Pinang. Melalui sistem ini, pusat latihan akan didirikan di kilang-kilang serta institusi-

institusi perniagaan bagi membolehkan pelajar mempelajari pengetahuan secara teori dan menjalani latihan praktikal pada masa yang serentak.

- (ii) Bekerjasama dengan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA) serta Fourier Technical Consultants (FTC) untuk menyediakan program latihan dan pengajian vokasional, (Vocational Skills Employment Program-VSEP) untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sejajar dengan visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar pintar bertaraf antarabangsa, program VSEP akan memberi penekanan terhadap aspek kemahiran teknikal yang boleh digunapakai bagi memenuhi visi tersebut. Melalui program VSEP ini, pelajar bukan sahaja belajar secara teori tetapi juga berpeluang mempraktikkan kemahiran yang diajar sehingga menjadi modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang yang diminati. Dalam program VSEP, kursus *City & Guilds* (C&G) dijalankan oleh FTC.
- (iii) Merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk terus memacu ekonomi negeri dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat melalui peningkatan pelaburan. Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada sektor-sektor baharu seperti *Business Process Outsourcing, Shared Services Outsourcing, Global Business Services, Research&Development (R&D), Design&Development (D&D)*, teknologi maklumat (ICT), perisian dan perkhidmatan sumber manusia. Aktiviti-aktiviti ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi.
- (iv) Memberi tumpuan kepada Pendidikan STEM (*Science, Technology, Engineering and Maths*) bagi memastikan Pulau Pinang menjadi pusat kecemerlangan sains dan teknologi melalui penubuhan Tech Dome Penang, Penang Science Cluster, Penang Digital Library, Pusat @CAT dan Penang Math Platform.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi mengalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang. SPH merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman tanpa sebarang cagaran dan penjamin kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Jumlah pinjaman adalah di antara RM2,000 hingga maksima RM25,000 dan tempoh bayaran balik adalah di antara 2 hingga 3 tahun. Sehingga bulan Oktober 2018, sebanyak RM15.15 juta telah diagihkan kepada seramai 3,060 orang usahawan.

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM750,000 telah disediakan di mana sehingga September 2018, sebanyak RM658,000 telah diagihkan kepada 122 orang untuk menikmati kemudahan kredit ini.

- (b) Aspek yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri dalam pembangunan modal insan adalah untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi serta profesional bagi memenuhi permintaan pasaran kerjaya khususnya dalam bidang reka bentuk kejuruteraan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi dan hab pendidikan serta perindustrian yang terkemuka.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

72. India Outbound Tourism Market sedang meningkat dengan pesat. Pasarannya dijangka melepasi USD42 Billion sebelum akhir tahun 2024.
- (a) Apakah usaha-usaha yang diambil untuk menarik pelancong dari India untuk melawat Pulau Pinang?
- (b) Apakah usaha yang telah diambil untuk mendapatkan penerbangan terus dari Pulau Pinang ke salah satu bandar utama di India?

Y.A.B. Ketua Menteri:

72. (a) Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong dari India untuk melawat Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Pada September 2017, Penang Global Tourism (PGT) telah mengadakan program *Familiarization Trip* yang berlangsung selama 7 hari untuk ejen-ejen pelancongan dari Mumbai dan New Delhi. Ejen-ejen tersebut daripada agensi pelancongan GTA Travel merupakan perintis yang berpengalaman dalam produk dan perkhidmatan pelancongan di India;
- (ii) Pada Januari 2018, PGT dan PCEB telah menjalankan *roadshow* promosi pelancongan di India bersama-sama dengan 17 agensi pelancongan lain. Pasukan *roadshow* ini telah menjelajah 4 bandar di India iaitu Kolkata, New Delhi, Mumbai dan Bengaluru, bagi mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelancongan dalam bidang *Business Events* dan MICE, percutian, perkahwinan dan penggambaran;
- (iii) Pada Mac 2018, PGT dengan kerjasama Tourism Malaysia New Delhi telah mengadakan program *Familiarization Trip* untuk Gauhar Khan (pelakon wanita Bollywood dan model yang terkenal di India) dan Yatra.com (sebuah syarikat pelancongan yang terkemuka di India yang telah memenangi pelbagai anugerah daripada Kementerian Pelancongan, India) untuk menghasilkan video promosi di Pulau Pinang;
- (iv) Dalam *Penang International Travel Exchange (PITE)* yang diadakan pada September 2018 di Setia SPICE Convention Centre, PCEB telah menghimpunkan 113 ejen-ejen pelancongan dari Global Panorama Showcase, sebuah syarikat rangkaian pelancongan utama dari India. Program *Business-to-Business (B2B)* bagi pasaran India ini merupakan yang terbesar diadakan di Malaysia. Melalui program ini, sebanyak 5,763 pakej berkaitan sektor pelancongan Pulau Pinang telah berjaya dijual. PCEB juga telah menghasilkan video promosi pelancongan bagi pasaran India;
- (v) Kerajaan Negeri melalui PGT kerap menyertai *South Asia's Leading Travel Show (SATTE)* yang diadakan di India bagi mempromosi pelancongan Pulau Pinang kepada pasaran India;
- (vi) Kerajaan Negeri melalui PGT telah berkerjasama dengan Tourism Malaysia dalam mengatitkan dua chef pakar masakan Malaysia dari

Pulau Pinang untuk menyertai Malaysian Food Promotion di India. Program ini telah memperkenalkan Pulau Pinang kepada pasaran India;

- (vii) Sebagai inisiatif berterusan dalam promosi pelancongan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah membuat edaran risalah-risalah dan bahan promosi kepada Pejabat Tourism Malaysia yang terletak di bandar-bandar utama India; dan
 - (viii) Bagi tahun 2019, PCEB akan menggandakan usaha bagi mempromosi pelancongan Pulau Pinang ke pasaran India dengan sasaran pelancong dari bandar Chennai, Ahmedabad, Mumbai dan New Delhi.
- (b) Bagi mendapatkan penerbangan terus dari Pulau Pinang ke India, Kerajaan Negeri melalui PCEB telah mengadakan perbincangan bersama syarikat penerbangan tempatan untuk mengkaji kebolehlaksanaan laluan ke bandar-bandar utama di India. Walaupun berhadapan dengan beberapa cabaran seperti laluan udara yang terhad dan senarai menunggu yang panjang, Kerajaan Negeri komited untuk mewujudkan laluan penerbangan terus ini. Kerajaan Negeri menawarkan insentif kepada syarikat penerbangan yang dapat mewujudkan laluan penerbangan terus ke Pulau Pinang tertakluk kepada syarat-syarat seperti laluan penerbangan terus yang terpilih, tempoh aktif laluan dan kekerapan penerbangan.

Baru-baru ini semasa lawatan CEO Air Asia ke Pulau Pinang, YB Exco Pelancongan telah menyatakan hasrat untuk mengadakan penerbangan terus antara Pulau Pinang dan India.